

Diterbitkan sejak 1932

ماجوتن



MAJUTAN

Edisi September-Disember 2016 Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my

PROGRAM PENGHIJAUAN D'RAJA SEMPENA PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KDYMM SULTAN MUHAMMAD V YANG KE 47



LAWATAN YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE TAPAK SEMAIAN HUTAN
SIMPAN TERLA B, CAMERON HIGHLANDS M/S 14

Isi Kandungan

| | | |
|----|---|----|
| 1 | LAWATAN PEGAWAI FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI KE TAMAN EKO-RIMBA GUNUNG PULAI, KULAI, JOHOR | |
| 2 | PERSIDANGAN EKOPELANCONGAN ASIA-PASIFIK KE-9 (APeco'16) | |
| 2 | PROGRAM CEPA (<i>COMMUNICATION, EDUCATION AND PUBLIC AWARENESS</i>), TAMAN EKO-RIMBA CHEMERONG, DUNGUN, TERENGGANU | |
| 3 | PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-36 | |
| 4 | PROGRAM PENGURUSAN HUTAN DAN AUDIT KUTIPAN HASIL LAWATAN KERJA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-36 | |
| 5 | OPERASI HALANGAN ORANG ASLI | |
| 6 | KURSUS SERBUAN DAN TANGKAPAN DI TEMPAT KEJADIAN | |
| 7 | KURSUS PEMAHAMAN KEPADA PERUNDANGAN BERKAITAN DENGAN PERHUTANAN 2016 | |
| 8 | PENGUTIPAN ANAK LIAR UNTUK PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI SEMENANJUNG MALAYSIA | |
| 9 | <i>ASEAN WORKSHOP ON SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT – BEST PRACTICES</i> (BENGKEL AMALAN TERBAIK PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN) | |
| 10 | CAPACITY BUILDING FOR STRENGTHENING ECOSYSTEM-BASED DISASTER RISK REDUCTION (ECO-DRR) FUNCTIONS INCLUDING RISK REDUCTION FUNCTIONS OF FORESTS AGAINST NATURAL DISASTERS | |
| 11 | LANDMARK TRAINING COURSE ON LEARNING LESSONS FROM ASIA'S NATIONAL FOREST REHABILITATION EXPERIENCES | |
| 12 | LAWATAN TEKNIKLAI YBHGS. DATO' PENGARAH BAHAGIAN SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN KE KOMPARTMENT 6 DAN 7, HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA, SELANGOR | |
| 13 | LAWATAN KERJA YBHGS. DATO' TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR DAN PERANCANGAN) JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE CAMERON HIGHLANDS, PAHANG | |
| 14 | LAWATAN YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE TAPAK SEMAIAN HUTAN SIMPAN TERLA B, CAMERON HIGHLANDS | |
| 15 | LAWATAN DAN TAKLIMAT MAN AND BIOSPHERE (MAB) BERSAMA PEGAWAI INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM) KE TAPAK RIZAB BIOSFERA TASIK CHINI, PAHANG SEMPENA MESYUARAT PENOLONG PENGARAH SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN HUTAN (PSN) | |
| 16 | PENILAIAN PANTAS KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN [RAPID BIOLOGICAL DIVERSITY ASSESSMENT (RBA)] MENGGUNAKAN 'BIO-INDIKATOR' SEBAGAI ALAT PENGUKURAN UNTUK MENILAI PEMATUHAN PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN | |
| 17 | KURSUS EMERGENCY PREVENTION, PREPAREDNESS AND RESPONSE PLAN (EPPR) INCLUDING FIRE SAFETY | |
| 17 | KURSUS BENCANA ALAM DI HUTAN LIPUR | |
| 18 | KURSUS SECARA "HAND ON" PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN ASAS DI HUTAN LIPUR | |
| 18 | PROGRAM IM4U PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA SEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH JPSM KE-36 DI TAMAN EKO RIMBA GUNUNG PULAI | |
| 19 | MAJLIS PEMBUKAAN SEMULA HUTAN LIPUR GUNUNG PULAI 1, KULAI SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI JOHOR | |
| 20 | MAJLIS PEMBUKAAN SEMULA HUTAN LIPUR TAKA MELOR DAN PROGRAM LET'S CLEAN GO GREEN | |
| | OPERASI MEMADAM KEBAKARAN HUTAN PAYA GAMBUG DI HUTAN SIMPAN AYER HITAM UTARA TAMBAHAN, MUAR | 21 |
| | PENDAKIAN KE GUNUNG BEKOK SEMPENA MENYAMBUT HARI UITM KE 60 TAHUN | 21 |
| | PROGRAM PERKHEMAHAN JABATAN AMAL KEBANGSAAN MALAYSIA CAWANGAN MERSING DI HUTAN LIPUR GUNUNG ARONG, MERSING | 22 |
| | KEM SAYANG HUTAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN 2016 | 22 |
| | KEJOHANAN BOWLING JPSM 2016 | 23 |
| | KEMENPEN KESEDARAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGERI KELANTAN | 24 |
| | LAWATAN KERJA KE PROJEK TANAMAN BULUH DAN PROJEK REDD (PERDAGANGAN KARBON) BANDUNG, INDONESIA | 25 |
| | LAWATAN TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE TAPAK PROJEK TANAMAN RHU DI PANTAI KUNDUR | 26 |
| | MAJLIS PERASMIAN KUARI DIMENSI TIMAL SDN. BHD. DAN PROGRAM PENANAMAN POKOK JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT | 26 |
| | MAJLIS SOLAT HAJAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN | 27 |
| | PROGRAM PENGHIJAUAN D'RAJA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KDYMM SULTAN MUHAMMAD V YANG KE 47 | 27 |
| | PROGRAM TEAM BUILDING JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN | 28 |
| | PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU BERSAMA PELAJAR YAYASAN SAAD ANJURAN AXIATA DENGAN KERJASAMA JKKK KAMPUNG SERI MINYAK DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA | 28 |
| | BENGKEL PEMURNIAN RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA | 29 |
| | PROGRAM KEMBARA ILMU KOMUNITI SARAWAK KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA | 29 |
| | PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI PERHUTANAN (<i>MYSTERY SHOPPING/INTEGRITY TESTING</i>) DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA | 30 |
| | PROGRAM KERJASAMA PENANAMAN POKOK OLEH UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UNIKL) DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG DI KOMPT.2, HS BATU GANGAN, CAMERON HIGHLANDS (FASA 1) | 30 |
| | MAJLIS PERASMIAN BALAI MERAWAN UNGU SEMPENA SEBERANG PERAI FIESTA TAHUN 2016 | 31 |
| | PROJEK PERINTIS LEBAH KELULUT DI PEJABAT PENTERNAKAN LEBAH KELULUT | 32 |
| | PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA BERSEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE-36 | 32 |
| | SEMINAR PERHUTANAN PERINGKAT NEGERI PAHANG 2016 | 33 |
| | PERLAWANAN BOWLING PERSABAHANAN ANJURAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK | 34 |
| | MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2016 | 35 |
| | PERARAKAN SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1438H PERINGKAT NEGERI SELANGOR | 36 |
| | PROGRAM KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR TAHUN 2016 & AKTIVITI PENANAMAN POKOK BERSAMA PENDUDUK KAMPUNG NELAYAN KG TELOK GONG DAN KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR SERTA PERASMIAN PENGKALAN OPERASI PENGUATKUSAAN HUTAN DI KOMPT 55, HUTAN SIMPAN TELOK GEDONG | 37 |
| | JALINAN KERJASAMA JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR SEMPENA LAWATAN KE TAMAN EKO RIMBA KL PADA 21 NOVEMBER 2016 | 38 |
| | PROGRAM PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DI TAMAN EKO RIMBA KL BUKIT NANAS PADA 8 NOVEMBER 2016 | 38 |



DARI MEJA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera.

Pertamanya saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya sidang redaksi telah berjaya menerbitkan Buletin MAJUTAN Edisi September hingga Disember 2016.

Edisi kali ini memaparkan Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia, hutan yang terosot akibat bencana alam dan penerokaan perlu segera dipulihara semula untuk meningkatkan kualitinya. Kempen-kempen Kesedaran Program Penghijauan serta Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai, matlamat utama kempen diadakan adalah untuk menerapkan semangat cinta kepada alam semulajadi serta kesedaran masyarakat terhadap kepentingan hutan dalam kehidupan sejagat seterusnya melahirkan insan yang menghargai dan menyayangi hutan untuk generasi akan datang.

Semua pencapaian dan aktiviti sepanjang bulan September hingga Disember 2016 telah memberi pengalaman berharga buat semua warga perhutanan samada di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mahupun di Jabatan Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia. Buletin MAJUTAN edisi ini padat dengan penyampaian berita dan peristiwa yang berinformatif. Artikel-artikel terpilih dipaparkan untuk dikongsi bersama warga JPSM.

Justeru itu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan edisi ini, tidak lupa juga kepada Ahli Jawatankuasa Sidang Redaksi di atas dedikasi dan komitmen yang diberikan dalam merancang dan menjayakan penerbitan MAJUTAN edisi ini.

Sekian, terima kasih.

SIDANG REDAKSI MAJUTAN

PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim
Ketua Pengaruh Perhutanan Semenanjung Malaysia

PENGERUSI

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud
Timbalan Ketua Pengaruh Perhutanan
(Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

Puan Shashiah binti Abdul Karim
Pengaruh Kanan
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

JAWATANKUASA MAJUTAN

PENGARANG

Mohd Rahim bin Rani

PENOLONG PENGARANG II
Asiah binti Yaacob

PENOLONG PENGARANG I

Othman bin Deris

KONSEP DAN REKA BENTUK I

Suhana binti Bebakar

PENOLONG PENGARANG II
Ismail Ali bin Kamarudeen

PERCETAKAN DAN EDARAN I

Rajihan bin Rahim

PERCETAKAN DAN EDARAN II

Kamal Kusyairi bin Abd Ghani

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

JOHOR

Nurazuhwah binti Omar

PERLIS

Abdul Wahab bin Jamaluddin

PAHANG

Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim

PULAU PINANG

Wan Mohd Yassim bin Wan Wahab

KEDAH

Siti Sarah binti Shaharuddin

TERENGGANU

Mohd Hafni bin Ahmad Saraji

KELANTAN

Nur Ain binti Mustapa

NEGERI SEMBILAN

Siti Norhayati binti Mastar

PERAK

Nur' Ain binti Chek Mustafa

SELANGOR

Nor Wahidah binti Amran

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadnai

MELAKA

Noor Syuhada binti Abdul samad

WAKIL BAHAGIAN DAN UNIT IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PERANCANGAN DAN EKONOMI HUTAN

Suhaida binti Mohamed

KHIDMAT PENGURUSAN

Hamidi bin Abd. Halim

PENGURUSAN HUTAN

Kadri bin Shaari

PENGURUSAN MAKLUMAT

Noorazila binti Yatim

SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN

BIOLOGI HUTAN

Mohd Saman bin Sanget

TEKNIKAL DAN INDUSTRI KAYU

Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani

LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN

HUTAN

Wan Ghazali bin Wan Ali

PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN

Zulkurnain bin Zakaria

HAL EHWAH ANTARABANGSA

Harry Yong

FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI

Muhammad Firdaus bin Khadlan

LATIHAN PERHUTANAN

Muhammad Hafiz bin Abdullah

KOMUNIKASI KORPORAT DAN

Nor Hidayu binti Abd. Razak

PENGUATKUASAAN HUTAN

Muhamat Azman bin Yahya

PERHUBUNGAN AWAM

KEJURUTERAAN HUTAN

Mohd Nizam bin Awang

PENOLONG SETIAUSAHA PKSIP

Azhar bin Ahmad

SETIAUSAHA PUSPANITA

Nurul Huda binti Jamaluddin

JURUFOTO

Hairul bin Abdul Hamid

Pihak Jawatankuasa Majutan mengalu-alukan sebarang bentuk Cadangan / Artikel / Rencana / Komen daripada seluruh warga Perhutanan.

SILA MAJUKAN KEPADA ALAMAT

Emel : asiah@forestry.gov.my

Suhana.bebakar@forestry.gov.my

LAWATAN PEGAWAI FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI KE TAMAN EKO-RIMBA GUNUNG PULAI, KULAI, JOHOR


Disediakan oleh : Muhammad Firdaus bin Khadlan
Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri, IPJPSM

KLUANG, 2 NOVEMBER 2016

Susulan daripada pembukaan semula Taman Eko-Rimba Gunung Pulai 1, Pegawai di Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri bersama-sama dengan pegawai Taman Eko-Rimba dari Semenanjung Malaysia telah mengadakan lawatan ke Taman Eko-Rimba Gunung Pulai 1, Kulai, Johor. Lawatan telah diketuai oleh Encik Muhammad Umar bin Abdullah, Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan, satu sesi taklimat mengenai sistem pengesanan awal kepala air telah disampaikan oleh Pakar dari Universiti Sains Malaysia dan demonstrasi penggunaan sistem tersebut di taman eko-rimba kepada para pegawai yang hadir.



Sesi bergambar Pegawai Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri, IPJPSM bersama-sama dengan pegawai Taman Eko-Rimba Jabatan Perhutanan Negeri semasa lawatan di Taman Eko-Rimba Gunung Pulai 1, Kulai, Johor



Demonstrasi penggunaan sistem pengesanan awal kepala air di Taman Eko-Rimba

PERSIDANGAN EKOPELANCONGAN ASIA-PASIFIK KE-9 (APeco'16)

Disediakan oleh : Muhammad Firdaus bin Khadlan
Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri, IPJPSM

KUCHING, 21 OKTOBER 2016

Persatuan Pemandu Pelancong Malaysia (MATTA) telah menganjurkan Persidangan Ekopelancongan Asia-Pasifik Ke-9 (APeco'16) pada 21-23 Oktober 2016 bertempat di Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak. Delegasi JPSM telah diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak dan disertai oleh 18 orang delegasi. Persidangan ini bertujuan memberikan pendedahan, perkongsian maklumat dan idea kepada peserta tentang Ekopelancongan, selari dengan usaha JPSM untuk mempergiatkan promosi dan aspek pengkomersialan Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri.

Para delegasi juga berpeluang melawat ke Santuari Hidupan Liar Semenggoh (SWC) dan Kampung Budaya Sarawak pada 23 Oktober 2016 diikuti dengan lawatan ke Taman Negara Bako pada 24 Oktober 2016.



Delegasi JPSM yang menyertai Persidangan Ekopelancongan Asia-Pasifik Ke-9 (APeco'16) di Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak



Sebahagian Delegasi JPSM bergambar kenangan semasa melawat ke Santuari Hidupan Liar di Semenggoh

PROGRAM CEPA (COMMUNICATION, EDUCATION AND PUBLIC AWARENESS), TAMAN EKO-RIMBA CHEMERONG, DUNGUN, TERENGGANU

Disediakan oleh : Shahril bin Mohamad
Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri, IPJPSM

DUNGUN, 15 OKTOBER 2016

Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri dan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu melalui Pejabat Hutan Daerah Terengganu Selatan telah mengadakan Program CEPA dengan menjalankan aktiviti pendakian di Trans Chemerong-Berembun-Langsir (CBL) pada 15 dan 16 Oktober 2016, peserta terdiri daripada wakil dari Persatuan Malim Gunung Malaysia (PMGM), Pertubuhan Sidang Warga Gunung (Gunung Online), Persatuan Jurupandu Alam Malaysia (MANAGA), Persatuan Mencari dan Menyelamat Malaysia (MOSARS) dan Persatuan Kembara Negara (KEMBARA).

Program ini diadakan bertujuan mengadakan jalinan perkongsian maklumat dan kerjasama diantara JPSM dengan persatuan yang aktif dalam menjalankan aktiviti pendakian di seluruh Negara berikutan aktiviti sebegini kian digemari oleh masyarakat di samping dapat memberikan pendedahan kepada peserta mengenai sistem malim gunung setempat yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Hutan Daerah, Terengganu Selatan. Program ini telah dirasmikan oleh Pegawai Hutan Daerah Terengganu Selatan, Encik Khairuddin bin Haji Perdan.



Peserta membuat persediaan untuk memulakan aktiviti pendakian di Trans Chemerong-Berembun-Langsir (CBL)

PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-36

Disediakan oleh : Najihah binti Aderis@Idris
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM



Ahli Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-36



Mesyuarat Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-36 sedang berlangsung



Majlis perasmian penutup Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-36

JOHOR BAHRU, 26 NOVEMBER 2016

Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia merupakan persidangan yang diadakan pada setiap tahun dan dihoskan secara bergilir-gilir di antara Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Persidangan ini merupakan tempat pertemuan semua Pengarah Perhutanan Negeri dan Pengarah Bahagian Ibu Pejabat JPSM untuk membincangkan mengenai perkara semasa dan perkara yang berkaitan dengan kepentingan kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan terutama dalam perkara yang menyentuh kepentingan pengurusan hutan negara. Persidangan kali ini merupakan yang ke-36 dan telah diadakan di Le Grandeur Palm Resort, Johor pada 26 hingga 30 November 2016. Tema persidangan kali ini adalah “Transformasi Pengurusan Hutan Secara Lestari Bagi Merealisasikan Wawasan 2020” adalah bertepatan dengan matlamat jabatan untuk mentransformasi pengurusan hutan yang sebelum ini lebih memberi tumpuan terhadap pengeluaran kayu-kayan secara berkekalan kepada pengurusan hutan berasaskan kepelbagaiannya fungsi hutan dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan ekosistem hutan.

PROGRAM PENGURUSAN HUTAN DAN AUDIT KUTIPAN HASIL

Disediakan oleh: Izaidah binti Talib dan Ismail Ali bin Kamarudeen
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM



KUALA LUMPUR, 20 DISEMBER 2016

Satu delegasi daripada Jabatan Hutan Negeri Sarawak yang terdiri daripada 12 orang pegawai pelbagai gred jawatan telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Lawatan kerja berkaitan program pengurusan hutan dan audit kutipan hasil ini telah bermula pada 17 Disember 2016 dan berakhir pada 21 Disember 2016.

Sepanjang tempoh lawatan ini, delegasi telah melawat ke JPN Kelantan pada 18 Disember 2016 dan seterusnya ke JPN Terengganu pada 19 Disember 2016 untuk didedahkan dengan aktiviti-aktiviti berkaitan Audit Kutipan Hasil dan Sistem Percukaian di Jabatan Perhutanan Negeri tersebut.

Selain itu, delegasi ini juga telah dibawa melawat ke Ladang Hutan *Timber Latex Clone* (TLC) di Kuala Krai, Kelantan untuk melihat aktiviti pengurusan ladang hutan dan seterusnya ke *Forest Management Unit* (FMU) di Kuala Terengganu untuk mempelajari sistem pengusahaan hutan yang diamalkan di Semenanjung Malaysia.

Seterusnya, lawatan delegasi berakhir di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) pada 20 Disember 2016. Kunjungan delegasi ini telah diurus dan disambut oleh pegawai daripada Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM dengan diketuai oleh YBhg. Datuk Borhanudin bin Hj. Arshad, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal).

Satu taklimat berkaitan Sistem Percukaian Perhutanan dan Kutipan Hasil Hutan di Semenanjung Malaysia telah disampaikan oleh Cik Izaidah binti Talib, Penolong Pengarah Ekonomi Hutan II daripada Seksyen Ekonomi Hutan, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM.

Diharap program perkongsian maklumat ini telah dapat memberi pendedahan kepada delegasi JH Negeri Sarawak berkaitan Audit Kutipan Hasil dan Percukaian serta sistem Pengurusan Hutan dan Ladang Hutan yang diamalkan di Semenanjung Malaysia.



Penyampaian cenderahati oleh Ketua Delegasi Jabatan Hutan Negeri Sarawak kepada TKP (OT) JPSM



Taklimat berkaitan Sistem Percukaian Perhutanan dan Kutipan Hasil Hutan di Semenanjung Malaysia oleh pegawai IPJPSM

LAWATAN KERJA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-36

Disediakan oleh : Najihah binti Aderis@Idris
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM

JOHOR BAHRU, 27 NOVEMBER 2016

Lawatan kerja Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-36 pada kali ini telah diadakan pada 27 November 2016 di Kompartmen 391, Hutan Simpan Sungai Pulai, Johor Selatan, Johor bersama Kakitangan Jabatan Imigresen Negeri Johor dan Penduduk Kampung Simpang Arang, Johor. Hutan Simpan Sungai Pulai merupakan salah satu Hutan Paya Laut (HPL) yang terdapat di Negeri Johor. Aktiviti yang dilaksanakan semasa lawatan ini adalah Program Penghijauan Hutan Paya Laut yang mana peserta lawatan telah berjaya menanam sebanyak 1,000 anak pokok dari spesies Bakau minyak. Semasa program ini berlangsung, para peserta telah memperkenalkan sifat kesanggupan meredah paya laut dalam mencapai aspirasi konservasi Hutan Paya Laut di Negeri Johor.



Ahli Persidangan yang terdiri daripada Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia bersama kakitangan Jabatan Imigresen dan penduduk Simpang Arang sedang menanam anak pokok spesies Bakau Minyak

OPERASI HALANGAN ORANG ASLI

Disediakan oleh : Mohd Suhairi bin Mohd Supian
Bahagian Penguatkuasaan Hutan, IPJPSM

GUA MUSANG, 28 NOVEMBER 2016

Sebanyak 47 orang asli telah ditahan dalam satu operasi yang telah diadakan pada 28 November hingga 2 Disember 2016 bagi mengosongkan sekatan Orang Asli di Pos Petei dan Pos Bihai di Hutan Simpan Balah, Gua Musang. Mereka telah ditahan reman antara dua hingga tiga hari oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan kerana menceroboh dan menduduki kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) tanpa kebenaran.

Operasi bersepadu dijalankan oleh Pasukan Elit Penguatkuasaan JPSM (JET) bersama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan serta PDRM dan telah berjaya menjalankan operasi untuk mengosongkan dua sekatan tersebut. Kes disiasat mengikut seksyen 32, seksyen 47 dan seksyen 81, Enakmen Perhutanan Negara 1984.

Operasi ini melibatkan sebanyak 210 pegawai dan anggota diketuai oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. Lebih 35 buah pondok telah diruntuhkan kerana melakukan aktiviti dan pendudukan di HSK tanpa kebenaran.



Anggota Pasukan Elit Penguatkuasaan JPSM (JET)



Operasi bersepadu untuk mengosongkan sekatan oleh Orang Asli

KURSUS SERBUAN DAN TANGKAPAN DI TEMPAT KEJADIAN

Disediakan oleh: Muhamat Azman bin Yahya
Bahagian Penguatkuasaan Hutan, IPJPSM

PORT DICKSON, 31 OKTOBER 2016

Bahagian Penguatkuasaan Hutan, IPJPSM telah menganjurkan satu Kursus Serbuan dan Tangkapan di tempat kejadian pada 31 Oktober hingga 4 November 2016 bertempat di Pusat Pendidikan Pelancongan (Eco-Edutourism) Pengurusan Hutan Tropika, Hutan Simpan Sungai Menyala, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kursus ini telah dianjurkan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah menyediakan tenaga pengajar untuk kursus ini.

Kursus ini telah dihadiri oleh 25 orang pegawai daripada Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri. Objektif kursus ini diadakan adalah untuk:

- i. Memperkasakan pasukan penguatkuasaan JPSM ke arah keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dalam menangani pembalakan haram
- ii. Meningkatkan pengetahuan dan kebolehan peserta kursus dalam melaksanakan tugas serbuan dan tangkapan dalam kes kesalahan hutan,
- iii. Mempermaksa lagi kemahiran peserta kursus dalam melaksanakan tugas siasatan kes-kesalahan hutan,

Pemilihan peserta kursus pada kali ini adalah terdiri daripada pegawai yang akan diserap dalam Pasukan Elit Penguatkuasaan JPSM (*JPSM Elit Team*) yang merupakan satu pasukan utama dalam menjalankan tugas penguatkuasaan hutan.

Penceramah yang dijemput untuk menyampaikan ceramah adalah pegawai-pegawai PDRM yang berpengalaman luas dalam tugas penguatkuasaan undang-undang. Oleh itu, para peserta dapat mengikuti kursus dengan lebih yakin dan berkesan serta dapat belajar daripada pengalaman agensi penguatkuasaan yang lain.

Kursus berlangsung selama lima (5) hari ini meliputi pelbagai aspek teori, latihan amali, perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan hasil latihan amali. Selain itu, peserta kursus turut melihat demonstrasi mengenai teknik membuat tangkapan dan pemeriksaan badan yang betul dengan menitikberatkan aspek keselamatan pasukan serbuan dan anggota petugas yang lain.



Para peserta kursus bergambar bersama penceramah PDRM



Taklimat semasa kursus disampaikan oleh penceramah PDRM



Latihan amali mengenai teknik membuat tangkapan terhadap suspek dan langkah keselamatan semasa serbuan

KURSUS PEMAHAMAN KEPADA PERUNDANGAN BERKAITAN DENGAN PERHUTANAN 2016

Disediakan oleh : Zulkurnain bin Zakaria
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, IPJPSM



Peserta kursus Pemahaman kepada Perundangan berkaitan dengan Perhutanan 2016

KEPONG, 18 OKTOBER 2016

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan (BPP), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Kursus Pemahaman Kepada Perundangan Berkaitan dengan Perhutanan 2016 pada 18 hingga 20 Oktober 2016 di Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong, Selangor. Kursus ini dikhaskan kepada pegawai kanan daripada Gred G29 hingga G44.

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai kanan di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) terhadap perundangan berkaitan dengan perhutanan. Kursus ini juga diharapkan dapat memberikan pemahaman dan panduan kepada pegawai kanan apabila berurusan dengan agensi kerajaan yang berkaitan untuk meningkatkan keberkesanannya penguatkuasaan bagi Akta Perhutanan Negara 1984 dan Enakmen Industri Berasas Kayu.

Ceramah disampaikan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada BPP dan perbincangan dalam kumpulan dijalankan untuk meningkatkan kefahaman peserta kepada isu perundangan yang berkaitan dengan perhutanan. Kursus ini akan diteruskan pada tahun akan datang untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan IPJPSM dan JPN daripada pelbagai gred mempunyai kefahaman kepada perundangan berkaitan perhutanan selaras dengan gred jawatan masing-masing.



Aktiviti perbincangan dalam kumpulan kecil bertujuan untuk meningkatkan kefahaman peserta kursus pemahaman kepada perundangan berkaitan dengan perhutanan 2016 yang telah di bincangkan semasa sesi ceramah



Sebahagian Peserta Kursus Pemahaman kepada Perundangan berkaitan dengan Perhutanan 2016 sedang mendengar ceramah yang disampaikan

PENGUTIPAN ANAK LIAR UNTUK PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh : Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

CAMERON HIGHLANDS - Hutan yang terosot akibat bencana alam dan penerokaan perlu segera dipulihara semula untuk meningkatkan kualitinya. Justeru itu, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan kerja penanaman semula pokok di kawasan hutan terosot di Semenanjung Malaysia. Lanjutan itu, JPSM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM100 juta untuk melaksanakan Projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Terosot di Semenanjung Malaysia di bawah RMKe-11.

Selaras dengan peruntukan yang telah diberikan di bawah Projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Terosot di Cameron Highlands, Janda Baik, Pahang dan Lembangan Sungai Kelantan khususnya dan umumnya di Semenanjung Malaysia, Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPN Pahang) telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan pasukan khas bagi pengutipan anak liar untuk projek tersebut. Tujuan kutipan ini adalah untuk menjamin stok bahan tanaman yang mencukupi untuk penanaman anak pokok di kawasan HSK terosot. Ini untuk memastikan aktiviti penanaman pokok sempena Projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Terosot di Cameron Highlands, Janda Baik, Pahang dan Lembangan Sungai Kelantan berjaya dilaksanakan sehingga tahun 2020.

BSB telah melaksanakan aktiviti pengutipan anak pokok melalui sembilan (9) siri pengutipan anak liar meliputi kawasan HSK sekitar Cameron Highlands seperti H.S Gunung Siku, H.S Ringlet, H.S Mentigi, dan H.S Gunung Berembun semenjak 2014 hingga 2015. Sebanyak 30,213 anak pokok telah berjaya dikutip bagi spesies endemik di Cameron Highlands.

Pada tahun 2016 sebanyak dua (2) siri kutipan telah dijalankan November 2016. Sebanyak 6,413 anak pokok, 1,520 biji benih dan 241 keratan batang telah berjaya dikutip di sekitar kawasan Cameron Highlands. Di antara spesies anak liar yang berjaya ditemui



Aktiviti menabung di Tapak Semaian Sungai Pauh, Cameron Highlands, Pahang



Aktiviti kutipan pokok anak liar Meranti bukit (*Shorea platyclados*) di Hutan Simpan Ringlet (Meranti bukit), Pahang sedang dilakukan

adalah seperti *Cupressus (Cupressus macrocarpa)*, Meranti bukit (*Shorea platyclados*), Mahang (*Macaranga spp.*), Pulai (*Alstonia angustiloba*), Gerok (*Exbucklandia populnea*), Nyatoh tembaga (*Palaquium leiocarpum*), Kayu arang (*Diospyros spp.*), Kelat (*Syzygium spp.*) dan lain-lain.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang kutipan anak liar ini dijalankan adalah seperti aktiviti menabung, mengutip anak liar, menanam dan membaja. Usaha murni ini juga turut dibantu oleh pelajar praktikal daripada Diploma Perhutanan, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak yang sedang menjalankan Latihan Industri di Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

ASEAN WORKSHOP ON SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT – BEST PRACTICES (BENGKEL AMALAN TERBAIK PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN)

Disediakan oleh: Nora Azlina binti Musa @ Ab Ghani
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, IPJPSM

PUTRAJAYA, 13 DISEMBER 2016

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menganjurkan Bengkel Amalan Terbaik Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) peringkat ASEAN pada 13 hingga 15 Disember 2016 bertempat di Dorsett Hotel, Putrajaya. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan) sebagai wakil rasmi kepada Ketua Setiausaha NRE. Turut hadir semasa majlis perasmian bengkel ini ialah Cik Norsham binti Abdul Latip, Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan NRE dan Puan Kamsiah Kamaruddin, Timbalan Ketua Pengarah, *ASEAN Socio-Cultural Community*, Kementerian Luar Negeri (KLN).

Seramai 45 orang peserta tempatan dan negara anggota ASEAN seperti Cambodia, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina dan Thailand telah menyertai bengkel ini yang bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik pengurusan hutan di rantau ini. Bersempena dengan bengkel ini juga, satu lawatan ke Petak Demonstrasi Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di Hutan Simpan Sungai Lalang, Sungai Tekala, Selangor telah diadakan. Sesi taklimat mengenai petak demonstrasi telah disampaikan oleh Y.M. Tengku Mohd Ridzuan Y.M. Tengku Ibrahim, Pegawai Hutan Daerah Selangor Tengah, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Setelah selesai lawatan di petak demonstrasi, Majlis Penutupan Bengkel Amalan Terbaik Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) peringkat ASEAN telah disempurnakan oleh Puan Kamsiah Kamaruddin, Timbalan Ketua Pengarah, *ASEAN Socio-Cultural Community*, Kementerian Luar Negeri.



Ucapan perasmian disampaikan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan)



Peserta-peserta Bengkel Amalan Terbaik Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) peringkat ASEAN

**CAPACITY BUILDING
FOR STRENGTHENING
ECOSYSTEM-BASED
DISASTER RISK REDUCTION
(ECO-DRR) FUNCTIONS
INCLUDING RISK REDUCTION
FUNCTIONS OF FORESTS
AGAINST NATURAL
DISASTERS**

Disediakan oleh : Mohd Nor Firdaus bin Rahim
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi
Hutan, IPJPSM

TSUKUBA, JAPAN, 13 NOVEMBER 2016

Japan International Cooperation Agency (JICA) telah menganjurkan kursus berkaitan dengan “Capacity Building for Strengthening Ecosystem-Based Disaster Risk Reduction (Eco-Drr) Functions Including Risk Reduction Functions Of Forests Against Natural Disasters”. Kursus ini dijalankan selama 3 minggu di *JICA* Tsukuba dengan penglibatan daripada negara-negara yang terdiri daripada Malaysia, Malawi, Filipina, Papua New Guinea, Myanmar dan Macedonia. Tujuan kursus ini dianjurkan adalah untuk memberikan pendedahan dan berkongsi pengalaman dalam mengamalkan ekosistem alam sekitar untuk mengatasi kejadian bencana alam semulajadi. Di samping itu, kursus ini diadakan bagi memberikan pendedahan kepada wakil negara yang dihadiri mengenai langkah kerajaan Negara Jepun dalam mengatasi dan menangani kejadian bencana alam serta langkah pencegahan yang dilakukan seperti kejadian Tsunami, gempa bumi, hakisan pantai serta kejadian tanah runtuh. Encik Mohd Nor Firdaus bin Rahim, Penolong Pengarah (Arboretum), Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan telah terpilih untuk mewakili JPSM.

Di sana, mereka telah membina dinding pemecah ombak (*Breakwater wall*) yang dibina setinggi 10 meter sepanjang pesisiran pantai untuk mengatasi kejadian Tsunami. Di samping itu juga, mereka juga telah mengabungkan kaedah kejuruteraan beserta kaedah konvensional dalam menjalankan aktiviti penghutanan semula yang dipanggil teknik “Chisan” yang telah diperkenalkan




Sesi bergambar peserta kursus bersama Pengarah *JICA* Tsukuba, dan Pegawai daripada *Japan Forestry Agency*

di Sichuan, China. Kaedah ini melibatkan penghutanan semula hutan di bahagian hulu (*Upstream*) manakala dibahagian hilir (*downstream*) akan dibina dengan penahan hakisan (*check Dam*) bagi mengatasi masalah hakisan tanah. Di samping itu, beberapa lawatan kerja luar juga dijalankan untuk memberikan gambaran sebenar aktiviti yang dilakukan oleh kerajaan negara Jepun dalam mengatasi masalah bencana alam mini. Justeru itu juga, Perkongsian pengalaman dalam kalangan negara-negara yang dihadiri juga telah diberi bagi meneliti permasalahan bencana alam yang dihadapi oleh negara-negara tersebut. Hasil daripada kursus ini, peserta dapat memahami kaedah yang boleh diaplikasikan di negara masing-masing dalam mengatasi masalah bencana alam hasil daripada pendedahan ilmu dan perkongsian pengalaman tentang bagaimana untuk mengatasi masalah serta kaedah yang perlu dilakukan dalam aktiviti penghutanan semula.



Dinding Pemecah ombak setinggi 10 meter dibina sepanjang pesisiran pantai



Penanaman pokok Black Pine sepanjang pesisiran pantai sebagai zon penampang selebar 200 meter dari pantai. Projek ini dijalankan di pesisiran pantai Sendai.

LANDMARK TRAINING COURSE ON LEARNING LESSONS FROM ASIA'S NATIONAL FOREST REHABILITATION EXPERIENCES

Disediakan oleh : Nuazri bin Sedik
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

SEOUL, KOREA SELATAN 26 SEPTEMBER 2016

Landmark Training Course on Learning Lessons from Asia's National Forest Rehabilitation Experiences anjuran ASEAN-Korea Forest Cooperation (AFoCo) telah diadakan pada 26-30 September 2016 di Seoul, Korea bagi memberikan peluang kepada negara ASEAN berkongsi pengetahuan dan pengalaman negara masing-masing dalam pemulihan hutan dan membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi. Sebanyak 18 orang peserta telah menyertai kursus ini yang terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei, Thailand, Myanmar, Vietnam, Laos, dan Cambodia. Malaysia telah menghantar wakil dua (2) orang peserta yang diwakili oleh Dr. Hamdan bin Omar (FRIM) dan Encik Nuazri bin Sedik (Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, JPSM).



Peserta bergambar semasa lawatan di Korea National Arboretum di Pocheon



Sesi bergambar peserta kursus bersama urus setia dan pembentang kertas kerja



Peserta mendengar pembentangan yang disampaikan di dalam bilik kuliah Hoam Faculty House di Seoul National University

Kursus ini telah dilaksanakan selama 5 hari dan mengandungi 2 sesi iaitu pembentangan (3 hari) dan lawatan lapangan (2 hari). Sepanjang sesi pembentangan, peserta kursus telah didedahkan berkaitan pengalaman negara-negara ASEAN dalam pengurusan hutan dan pemulihan kawasan hutan terosot. Selain itu, peserta juga didedahkan dengan kejayaan dan pengalaman Korea dalam memulihkan kawasan hutan terosot melalui kerjasama antara negara seperti China, Indonesia, Cambodia dan Paraguay. Di samping itu, peserta kursus dapat memahami faktor utama dalam memastikan kejayaan pemulihan kawasan hutan terosot iaitu i. Pemimpin ii. Kerajaan iii. Penduduk setempat iv. Polisi dan Dasar dan program pemulihan kawasan hutan yang menjadi contoh di Korea dikenali sebagai "Saemaul Undong". 13 orang pembentang jemputan telah membentangkan pengalaman dan penyelidikan masing-masing yang terdiri pakar dan penyelidik dari Institut Penyelidikan, Organisasi Kerajaan dan Organisasi Bukan Kerajaan. Manakala sepanjang 2 hari lawatan lapangan, peserta diberi peluang melawat kawasan Korea National Arboretum dan Forest Practice Research Centre (FPRC) di Pocheon dan National Forest Seed Variety Center (NFSV) di Chungju.

LAWATAN TEKNIKAL YBHG. DATO' PENGARAH BAHAGIAN SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN KE KOMPARTMENT 6 DAN 7, HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA, SELANGOR

Disediakan oleh :Mohd Saman bin Mohd Sanget
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



Lawatan ke kawasan pencerobohan oleh syarikat YSSTT di Hutan Simpan Kuala Langat Utara

KUALA LANGAT, 10 NOVEMBER 2016

YBhg. Dato' Hj. Azmi bin Nordin, Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, PB(SB) telah mengadakan lawatan teknikal ke Kompartmen 6 dan 7, Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Selangor.

Lawatan tersebut diadakan bertujuan mengadakan perbincangan lapangan serta lawatan ke kawasan pencerobohan tanah oleh YSS Transport and Trading (YSSTT) di Hutan Simpanan Kekal serta mencadangkan langkah-langkah mitigasi pemulihan kawasan pencerobohan terbabit.

Lawatan ini juga telah dihadiri oleh wakil daripada Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS). Lawatan YBhg. Dato' PB(SB) ini telah dimulakan dengan perbincangan bersama Tuan Dr. Pengarah Perhutanan Negeri Selangor di Shah Alam diikuti dengan lawatan tapak ke kawasan pencerobohan. Antara pegawai yang turut serta dalam lawatan tapak ini adalah Ketua Seksyen (Silvikultur), Encik Muhamad bin Abdullah, Pegawai Penguatkuasa JPNS, Encik Mohd Tarmizi bin Ahmad, Pegawai Hutan Daerah Pantai Klang, Cik Mardiana Salihah binti Marzuki serta beberapa Pegawai Kanan IPJPSM dan JPNS.

Hasil daripada lawatan YBhg. Dato' PB(SB), beberapa langkah telah dicadangkan sebelum kerja penanaman pokok dijalankan di kawasan pencerobohan, antaranya adalah:

- (i) Pihak Syarikat YSSTT dikehendaki menjalankan *Soil Treatment* dan menambah semula *Top Soil* di kawasan yang telah terokai;
- (ii) Kaedah penanaman secara *Cluster Planting* dan *Line Planting* berdasarkan kesesuaian di lapangan;
- (iii) Penanaman semula pokok dengan spesies asal dari jenis Hutan Paya Gambut dan Hutan Darat seperti Jelutong (*Dyera costulata*), Pulai (*Alstonia angustiloba*), Mahang (*Macaranga sp.*), Sepetir (*Sindora sp.*), Kempas (*Koompassia malaccensis*) spesies Meranti (*Shorea spp.*) dan lain-lain spesies yang sesuai selepas kerja rawatan tanah siap dilaksanakan oleh Syarikat YSSTT; dan
- (iv) Penanaman pokok digalakkan dilaksanakan pada musim hujan.



Perbincangan antara Pegawai-pegawai Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

LAWATAN KERJA YBHG. DATO' TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR DAN PERANCANGAN) JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE CAMERON HIGHLANDS, PAHANG

Disediakan oleh : Mohd Saman bin Mohd Sanget
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan

CAMERON HIGHLANDS, 21 SEPTEMBER 2016

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan), [TKP(DP)] telah mengadakan lawatan kerja ke Hutan Simpan Terla A dan B, Cameron Highlands.

Lawatan tersebut diadakan untuk tujuan mengadakan perbincangan lapangan serta lawatan ke kawasan cadangan Projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Daerah Cameron Highlands 2017.

Lawatan ini juga telah dihadiri oleh wakil daripada Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) serta Majlis Keselamatan Negara (MKN). Lawatan YBhg. Dato' TKP(DP) ini telah dimulakan dengan perbincangan bersama YBhg. Dato' Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, PB(SB) dan YBhg. Dato' Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri (Operasi), JPNP dilikuti dengan lawatan tapak ke kawasan cadangan projek. Antara pegawai yang turut serta dalam lawatan tapak ini adalah YBhg. Dato' PB(SB), YBhg. Dato' Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri (Operasi) JPNP, Kolonel Mazlan bin Sahalan, Komander Majlis Keselamatan Negara (MKN), Ketua Seksyen (Silvikultur), BSB, Pegawai Hutan Daerah Cameron Highlands, Penolong Pengarah (Silvikultur) Pahang Barat, JPNP serta beberapa Pegawai Kanan BSB, IPJPSM dan JPNP

Hasil daripada lawatan YBhg. Dato' TKP(DP), beberapa keputusan telah diperolehi, antaranya adalah tanaman projek restorasi di Cameron highlands dijalankan secara *Gap Planting* dan *Cluster Planting* di kawasan yang mempunyai pokok spesies sesaran (Pioneer),

manakala kawasan kosong akan dijalankan tanaman secara *Line Planting*. Selain itu, penetapan spesies tanaman adalah terdiri daripada spesies natif Cameron Highlands iaitu Gerok, Mahang, Meranti bukit, Cupressus, Kelat, dan Berangan.



Perbincangan di lapangan antara YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan), YBhg. Dato' Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan Serta YBhg. Dato' Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang (Operasi)



Perbincangan Pegawai-pegawai dengan YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) bersama Komander Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kolonel Mazlan bin Sahalan



Kawasan cadangan Projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Hutan Simpan Terla B, Cameron Highlands

LAWATAN YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE TAPAK SEMAIAN HUTAN SIMPAN TERLA B, CAMERON HIGHLANDS

Disediakan oleh : Khairul Na'im bin Ya'akub
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

CAMERON HIGHLANDS, 20 SEPTEMBER 2016

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Datuk Dr. Ir. Hj Hamim bin Samuri telah mengadakan satu lawatan ke Tapak Semaian Hutan Simpan Terla B di Cameron Highlands, Pahang.

Lawatan tersebut diadakan bertujuan mempromosikan Hari Alam Sekitar yang disambut pada setiap 25 September dan untuk melihat sendiri fasiliti tapak semaihan Jabatan Perhutanan yang menjadi tulang belakang kepada Program Penghijauan Cameron Highlands dan Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia.

Lawatan ini juga dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Daerah Cameron Highlands serta wakil Pekebun Cameron Highlands sebanyak 200 orang. Lawatan YB timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ini telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) diikuti dengan acara penanaman pokok yang dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Ir. Hj Hamim bin Samuri dan diakhiri dengan ucap tama daripada YB Timbalan Menteri sendiri.

Hasil daripada lawatan YB Datuk Dr. Ir. Hj Hamim bin Samuri, Beliau menzhirkan kepentingan Cameron Highlands dipulihkan dan dikembalikan kepada keadaan asal. Selain itu juga, Program Penghijauan Cameron Highlands mendapat sokongan daripada pengurusan atasaran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.



YB Datuk Dr. Ir. Hj Hamim bin Samuri menanam pokok spesies Gerok (*Exbucklandia populnea*)



YB Datuk Dr. Ir. Hj Hamim bin Samuri melawat kawasan Tapak Semaian Hutan Simpan Terla B, Cameron Highlands, Pahang

LAWATAN DAN TAKLIMAT MAN AND BIOSPHERE (MAB) BERSAMA PEGAWAI INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM) KE TAPAK RIZAB BIOSFERA TASIK CHINI, PAHANG SEMPENA MESYUARAT PENOLONG PENGARAH SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN HUTAN (PSN)

Disediakan oleh : Noor Ain binti Abd Karim
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

CHINI, 7 OKTOBER 2016

Satu lawatan kerja ke Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini, Pahang pada 7 Oktober 2016 telah diadakan sempena Mesyuarat Penolong Pengarah Silvikultur dan Perlindungan Hutan (PSN) Bil.2 2016. Mesyuarat ini telah dipengerusikan YBhg. Dato' Haji Azmi bin Nordin, Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, [B(SB)], Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM).

Sebanyak 18 orang pegawai turut serta ke sesi lawatan ini yang dihadiri oleh Pegawai Silvikultur Negeri atau wakil dan Pegawai Kanan B(SB). Lawatan ini dimulai dengan sesi penerangan ringkas *Man and Biosphere (MAB)* yang disampaikan oleh Encik Mohd Rizal bin Sabran, Penolong

Pengarah Kanan, Silvikultur Hutan Asli, B(SB), IPJPSM. Selain itu, satu taklimat ringkas berkaitan aktiviti restorasi kawasan hutan terosot telah dijalankan secara kerjasama JPSM dan FRIM di bawah Projek Pemuliharaan Tasik Chini telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Abd. Rahman bin Kassim serta Tuan Haji Mohd bin Ghazali, pegawai penyelidik daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Para peserta turut dibawa menaiki bot dan meninjau kawasan Tasik Chini bagi melihat kawasan tanaman projek spesies teratai yang telah berjaya mendominasi kawasan pembukaan Tasik Chini tersebut.



Dato' Haji Azmi bin Nordin Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, [B(SB)], Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) mempengerusikan Mesyuarat Penolong Pengarah Silvikultur Dan Perlindungan Hutan (PSN) Bil.2 2016



Kawasan tanaman projek spesies teratai yang telah berjaya mendominasi kawasan pembukaan Tasik Chini di bawah Projek Pemuliharaan Tasik Chini



Penerangan ringkas yang disampaikan oleh YBrs. Dr. Abd. Rahman bin Kassim serta Tuan Haji Mohd bin Ghazali, pegawai penyelidik daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengenai Projek Pemuliharaan Tasik Chini, Pahang

PENILAIAN PANTAS KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN [RAPID BIOLOGICAL DIVERSITY ASSESSMENT (RBA)] MENGGUNAKAN 'BIO-INDIKATOR' SEBAGAI ALAT PENGUKURAN UNTUK MENILAI PEMATUHAN PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN

Disediakan oleh : Noor Azrien binti Zainon
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) komited untuk menguruskan sumber hutan secara berkekalan (lestari) berdasarkan *Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management (MC&I)* Hutan Asli untuk pensijilan kayu kayan. Hutan Simpanan Kekal yang diusahasil untuk kayu-kayan adalah menggunakan Sistem Pengurusan Memilih (SMS) dengan perlaksanaan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB). Penilaian perubahan kepelbagaian biologi hutan selepas pengusahasilan adalah menggunakan *Manual Rapid Biological Diversity Assessment (RBA)*. Manual RBA ini telah dibangunkan oleh Projek "UNDP-GEF-ITTO-FRIM Conservation of Biodiversity" dimana merupakan buku panduan yang menyediakan pengguna dengan panduan langkah-langkah pengukuran kumpulan biodiversiti tertentu iaitu semut, kelawar pemakan serangga, kumbang tinja, pokok, rama-rama, makro-invertebrata akuatik, kelulut dan burung bawah kanopi. Lapan kumpulan ini dipilih disebabkan kumpulan tersebut merupakan bio-indikator yang akan memberikan tindakbalas yang cepat apabila berlaku perubahan persekitaran di hutan. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan 3 Pilot Station *Rapid Biological Diversity Assessment (RBA)* di HS Tekam, Jerantut, Pahang, HS Lenggor, Mersing, Johor dan HS Lebir, Kuala Krai, Kelantan. Walaubagaimana pun, JPSM memfokuskan kepada kajian bagi 4 kumpulan taksa sahaja iaitu semut, kelawar pemakan serangga, kumbang tinja dan burung bawah kanopi disebabkan keempat-empat kumpulan taksa tersebut adalah mencukupi dalam memberikan keputusan ke atas perubahan persekitaran di hutan.

- i. Semut Mewakili komuniti permukaan dan dalam tanah Mudah didapati dan banyak di lantai hutan. Kepekaan spesies tertentu kepada persekitaran menyebabkan ia berupaya mengesan perubahan kecil di dalam ekosistem.
- ii. Kumbang tinja Mewakili komuniti permukaan dan bawah tanah. Menunjukkan kehadiran haiwan besar (kumbang tinja memakan dan menggunakan tinja haiwan besar di sepanjang kitaran hidupnya).
- iii. Kelawar Mewakili komuniti nocturnal. Menunjukkan perubahan dari segi bilangan sekiranya kemasuhan habitat dimana akan menyebabkan kelawar sukar mencari makanan.
- iv. Burung Mudah dikesan melalui penglihatan dan bunyi Sangat sensitif terhadap perubahan persekitaran. Burung kanopi bawah sangat bergantung dengan struktur hutan dan sumber makanan di sub-kanopi dan boleh mewakili komuniti sub-kanopi dan kanopi bawah.



Semut



Kumbang tinja

Penubuhan Pilot Station RBA ini melibatkan tiga kawasan iaitu kawasan Hutan Simpanan Hutan Dara (petak kawalan), kawasan hutan sebelum pengusahasilan dan kawasan hutan selepas pengusahasilan. Penubuhan Pilot Station RBA tersebut adalah bertujuan:

- (i) Untuk mengintegrasikan keperluan pemuliharaan biodiversiti dan penilaian ekonomi ke dalam sistem pengurusan hutan semasa dengan menghasilkan alat pengukuran yang mesra pengguna, praktikal dan menjimatkan kos
- (ii) Untuk menilai impak dan perubahan ke atas biodiversiti akibat pengusahasilan menggunakan kaedah kajian lapangan
- (iii) Alternatif yang akan digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dalam *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification [MC&I (2002)]* di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS).



Pelbagai spesies kelawar pemakan serangga yang berjaya ditangkap oleh Pasukan RBA

Hasil analisa keputusan 3 Pilot Station RBA yang telah ditubuhkan di HS Tekam, Jerantut, Pahang, HS Lenggor, Mersing, Johor dan HS Lebir, Kuala Krai, Kelantan mendapat bahawa kepelbagaian bagi 4 kumpulan taksa kajian tidak menunjukkan perbezaan yang ketara (significant) bagi kawasan sebelum pengusahasilan dan selepas pengusahasilan di mana perbezaan kepelbagaian spesies bagi 4 kumpulan taksa tersebut adalah di antara 2 dan 3 bilangan sahaja bagi kedua-dua kawasan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti pengusahasilan kayu kayan di bawah amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) yang dilaksanakan tidak menjelaskan kepelbagaian biologi hutan. Bagi memantapkan kajian RBA ini pada masa hadapan, JPSM akan menjalankan kajian RBA bagi 8 kumpulan taksa yang tersenarai dalam Manual RBA.

KURSUS EMERGENCY PREVENTION, PREPAREDNESS AND RESPONSE PLAN (EPRP) INCLUDING FIRE SAFETY

Disediakan oleh: Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Bahagian Teknikal dan Industri Kayu, IPJPSM

BANDAR BARU BANGI, 1 NOVEMBER 2016

Bahagian Teknikal dan Industri Kayu telah menganjurkan satu Kursus “Emergency Prevention, Preparedness and Response Plan (EPRP) Including Fire Safety” pada 1 hingga 2 November 2016 yang bertempat di Dewan Teater, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Bandar Baru Bangi, Selangor.

Objektif utama kursus ini diadakan untuk memberikan pengetahuan asas kepada kakitangan Jabatan mengenai peringkat tindakan awal Pencegahan, Persediaan dan Pelan Tindakan Kecemasan yang boleh diambil sekiranya berlaku kemalangan, kebakaran atau sebarang kejadian kecemasan di IPJPSM. Kursus ini juga dijalankan untuk memenuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994.



Peserta kursus melaksanakan latihan amali untuk tindakan awal Pencegahan, Persediaan dan Pelan Tindakan Kecemasan

Fasilitator kursus ialah Encik Muhammad Fakhruddin bin Abdul Rahman konsultan daripada NIOSH. Sejumlah 36 orang peserta telah menyertai kursus ini terdiri daripada pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) yang mewakili setiap bahagian di IPJPSM.

Secara keseluruhannya, tujuan kursus ini diadakan bertujuan untuk melatih pegawai dan kakitangan jabatan supaya sentiasa bersedia dan mengetahui apa yang perlu dilakukan jika berlaku kemalangan, kebakaran atau sebarang kejadian kecemasan di IPJPSM secara khasnya, ataupun di tempat lain amnya.

KURSUS BENCANA ALAM DI HUTAN LIPUR

Disediakan oleh : Hussin bin VM. Abd Latiff
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

SEGAMAT, 19 NOVEMBER 2016

Pada 17 hingga 18 Disember 2016, pihak UTHM telah menganjurkan Kursus Bencana Alam di Hutan Lipur Sungai Bantang. Kursus ini melibatkan pelajar dari UTHM seramai 28 orang dan dibantu oleh 3 orang kakitangan dari Pejabat Hutan Renj Labis. Jabatan yang terlibat dalam menjayakan kursus ini ialah Pejabat Hutan Johor Utara, Segamat, Pejabat Kesihatan Daerah Segamat, serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan peserta kursus cara-cara menyelamat mangsa jika berlaku bencana alam atau kecemasan terutamanya semasa berada di dalam hutan. Peserta juga didedahkan dengan latihan amali cara menyelamat yang betul. Taklimat kursus telah disampaikan oleh pihak Jabatan Hutan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat mengikut bidang masing-masing.



Latihan amali cara-cara menyelamat mangsa yang mengalami bencana atau kemalangan

KURSUS SECARA “HAND ON” PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN ASAS DI HUTAN LIPUR

Disediakan oleh: Sujatha Subramaniam
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KULAI, 18 DISEMBER 2016

Program kursus secara “Hand On” Penyelenggaraan Kemudahan Asas di Hutan Lipur Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah diadakan selama 4 hari bermula 13 -18 Disember 2016 bertempat di Hutan Lipur Gunung Pulai 1, Kulai, Hutan Lipur Gunung Arong, Mersing, Hutan Lipur Sg Bantang, Segamat, dan Hutan Lipur Soga Perdana, Batu Pahat bagi penyelenggaraan kemudahan asas di Hutan Lipur. Peserta kursus terdiri daripada kakitangan jabatan iaitu sebagai Penguasa Hutan Lipur Negeri Johor yang terdiri daripada Pengawas Hutan dan Pembantu Awam. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi penerangan tentang cara melaporkan kerosakan barang atau kemudahan di Hutan Lipur dengan menggunakan borang yang disediakan supaya selaras dengan semua daerah. Selain itu, semua Penguasa Hutan Lipur diberi penerangan cara pemberian kerosakan kemudahan asas, dan cara membaiki saluran paip dan penyelenggaraan mesin rumput, blower serta alatan lain secara “hand on”. Secara keseluruhannya, kursus ini dapat memberikan pengetahuan yang baru dalam menyelenggara mesin dan meningkatkan pengetahuan serta keyakinan kakitangan dalam pemberian kemudahan di Hutan Lipur.



Aktiviti kursus secara “Hand On” Penyelenggaraan Kemudahan Asas di Hutan Lipur



Peserta kursus diberi penerangan tentang cara menggunakan peralatan

PROGRAM IM4U PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA SEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH JPSM KE-36 DI TAMAN EKO RIMBA GUNUNG PULAI

Disediakan oleh:Nur Farhana binti Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



KULAI, 29 NOVEMBER 2016

Satu program IM4U iaitu gotong royong bersama Komuniti dan masyarakat setempat bersama ahli PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah diadakan di Taman Eko Rimba Gunung Pulai. Program PUSPANITA ini adalah Sempena Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke 36. Aktiviti ini telah dihadiri oleh semua Pengurus PUSPANITA JPSM, ahli PUSPANITA Cawangan Negeri Johor, Majlis Sukan Negara Negeri Johor, serta warga kerja Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Adalah menjadi satu tanggungjawab kepada semua golongan masyarakat dalam mengembeling tenaga untuk mempertahankan keindahan alam semulajadi dan kesegaran udara agar terus berkekalan untuk dinikmati oleh generasi masa kini dan diwarisi pada masa akan datang. Acara penanaman pokok juga telah dijalankan untuk memelihara khazanah hutan. Setiap peserta program ini telah diberikan pembahagian tugas di beberapa zon pembersihan dan memungut sisa sampah di persekitaran Taman Eko Rimba Gunung Pulai agar bersih dan terpelihara. Untuk memeriahkan program tersebut, satu acara senaman aerobik telah diadakan untuk menjaga kesihatan dan kesegaran tubuh badan. Justeru itu sumbangan serta penglibatan oleh setiap warga kerja serta tanggungjawab daripada lapisan masyarakat perlulah dikekalkan agar bumi kita terus kekal hijau dan serba sedikit dapat memberi impak yang berguna kepada generasi yang akan datang.



Senaman aerobik

MAJLIS PEMBUKAAN SEMULA HUTAN LIPUR GUNUNG PULAI 1, KULAI SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI JOHOR

Disediakan oleh : Mohd Lizam bin Awang
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



KULAI, 6 SEPTEMBER 2016

Majlis Pembukaan Semula Hutan Lipur Gunung Pulai 1, Kulai Sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Johor telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Datuk Md. Jais Sarday yang mewakili Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. Majlis Pembukaan ini diadakan setelah hampir 15 tahun Hutan Lipur tersebut ditutup kepada masyarakat awam akibat satu kejadian aliran debris yang melanda Hutan Lipur Gunung Pulai 1 dan Kg. Sri Gunung Pulai yang telah meragut nyawa lima (5) orang penduduk setempat serta meranapkan harta benda dan

memusnahkan infrastruktur hutan lipur tersebut. Majlis Pembukaan itu juga disambut bersempena Hari Hutan Antarabangsa yang disambut pada 21 Mac setiap tahun dengan tema sambutan "Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat".

Ucapan alu-aluan majlis ini telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Johor iaitu Encik Jeffri bin Abd Rasid. Seterusnya Ucapan Peramian Majlis Pembukaan Semula Hutan Lipur Gunung Pulai 1, Kulai Sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Johor telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Datuk Md. Jais Sarday yang mewakili



Acara Demonstrasi perolehan biji benih oleh Pasukan Elit Perolehan biji benih, Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. Sempena majlis ini beberapa telah diatur iaitu berlangsung acara lain kanak-kanak pra sekolah, Persembahan Coral Speaking oleh Pelajar Sekolah, Gimik Perasmian oleh UTM, Penanaman pokok Pulai sebanyak 8 pokok oleh tetamu kehormat, dan Demonstrasi Perolehan Biji Benih oleh Pasukan Elit Perolehan Biji Benih Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Acara Kemucak bagi majlis ini adalah pelepasan burung oleh Datuk Md. Jais Sarday sebagai simbolik pembukaan semula Hutan Lipur ini kepada masyarakat awam.

Turut hadir bagi menjayakan majlis pembukaan semula hutan lipur ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan), Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud selaku wakil rasmi KPPSM, Pegawai Daerah Kulai, Tn. Hj. Md.Za'nal bin Misran, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Johor, Ketua-ketua Jabatan Daerah Kulai dan penduduk sekitar Hutan Lipur Gunung Pulai 1.

Majlis ini berakhir dengan wakil Menteri Besar Johor menghadiri sesi media dan lawatan ke tapak pameran.



Penyampaian hadiah oleh Datuk Md. Jais Sarday kepada pemenang peserta pertandingan mewarna



Datuk Md. Jais Sarday melancarkan gimik perasmian

MAJLIS PEMBUKAAN SEMULA HUTAN LIPUR TAKA MELOR DAN PROGRAM *LET'S CLEAN GO GREEN*

Disediakan oleh : Fakrul Hafidz bin Sukri
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

LABIS, 13 NOVEMBER 2016

Pejabat Hutan Daerah Johor Utara, Segamat (PHDJU) telah menganjurkan Majlis Pembukaan Semula Hutan Lipur Taka Melor dan Program *Let's Clean Go Green* bertempat di Hutan Lipur Taka Melor, Labis, Segamat. Majlis Pembukaan Hutan Lipur Taka Melor ini diadakan setelah Hutan Lipur Taka Melor diberi kebenaran untuk dibuka semula kepada orang awam setelah ditutup sejak tahun 2011.

Hutan Lipur Taka Melor yang telah ditutup pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh berlakunya banjir besar sehingga meruntuhkan jambatan yang menjadi penghubung ke kawasan Hutan Lipur. Walau bagaimanapun disebabkan oleh kekangan peruntukan, kerja membaik pulih kawasan hutan lipur ini hanya dapat dilakukan bermula tahun 2015.

Bersempena dengan Majlis Pembukaan Semula Hutan Lipur Taka Melor, PHDJU juga turut mengadakan Program *Let's Clean Go Green*. Program *Let's Clean Go Green* yang diadakan merupakan rutin tahunan bagi setiap Daerah Hutan di Negeri Johor. Program ini adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat umum berhubung kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar. Program ini telah disertai oleh 65 orang penduduk dari beberapa buah kampung sekitar DUN Tenang. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti pembersihan di sekitar kawasan hutan lipur, pameran dari agensi-agensi kerajaan seperti Pejabat Kesihatan, Bomba dan Penyelamat dan dari Jabatan Perhutanan Negeri Johor sendiri. Kemuncak dari program *Let's Clean Go Green*, peserta program telah dibekalkan dengan anak pokok untuk ditanam di sekitar kawasan hutan lipur.

Majlis Pembukaan Semula Hutan Lipur Taka Melor dan Program *Let's Clean Go Green* ini telah dirasmikan oleh YB. Encik Azhar bin Hj. Ibrahim, Ahli DUN Tenang.



YB Encik Azhar bin Ibrahim bersama kakitangan Pejabat Hutan Daerah Johor Utara, Segamat



YB Encik Azhar bin Ibrahim bergambar bersama dengan penduduk setempat serta kakitangan Pejabat Hutan Daerah Johor Utara, Segamat



Program menanam pokok di sekitar Hutan Lipur sebagai simbolik kepada program *Let's Clean Go Green*

OPERASI MEMADAM KEBAKARAN HUTAN PAYA GAMPUT DI HUTAN SIMPAN AYER HITAM UTARA TAMBAHAN, MUAR

Disediakan oleh : Zamani bin Ab Kadir
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MUAR, 6 OKTOBER 2016

Satu Operasi memadam kebakaran Hutan Paya Gambut di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara Tambahan telah dijalankan. Operasi digerakkan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) Daerah Muar bermula pada 6 Oktober 2016 dan tamat sepenuhnya pada 23 Oktober 2016 yang melibatkan beberapa agensi kerajaan. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Muar dilantik sebagai ketua operasi dan dibantu oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Cawangan Muar dan Bukit Gambir, Pejabat Hutan Daerah Johor Utara, Pejabat Daerah Muar, Majlis Perbandaran Muar, Jabatan Kerja Raya Daerah Muar, Jabatan Alam Sekitar Daerah Muar, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Muar, J-Biotech Sdn. Bhd dan penghulu mukim terlibat dalam operasi ini. Secara keseluruhan seramai 150 anggota dari pelbagai agensi terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam operasi yang dijalankan. Operasi memadam kebakaran menghadapi kesukaran bagi mendapatkan sumber air memandangkan cuaca yang panas dan kering.

Keluasan kawasan yang terlibat dalam kebakaran dianggarkan lebih kurang 120 ekar. Kawasan kebakaran dibahagikan kepada 6 sektor pemadaman yang melibatkan kerja-kerja mengali parit, menambak tanah dan membina jalan masuk ke kawasan kebakaran, membina empangan sementara, mengempam masuk air dari tasik lombong berhampiran selain memadam api kebakaran tersebut. Hampir keseluruhan daripada kakitangan Pejabat Hutan Daerah Johor ditugaskan secara bergilir dalam operasi memadam kebakaran.



Taklimat Operasi oleh Ketua Operasi dari Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Cawangan



Kebakaran yang melibatkan Hutan Simpan Ayer Hitam Utara Tambahan

Kesan daripada kebakaran tersebut menyebabkan Indek Pencemaran Udara (IPU) meningkat dan jarak pandangan berkurangan bagi kawasan sekitar kebakaran. Api kebakaran telah dapat dipadam sepenuhnya pada 23 Oktober 2016 dan operasi ditamatkan. Walau bagaimanapun, pemantauan secara berterusan oleh Pejabat Hutan Daerah Johor Utara khususnya Pejabat Renj Hutan Muar dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Muar masih diteruskan bagi memastikan tiada kebakaran baru berlaku di kawasan tersebut.

PENDAKIAN KE GUNUNG BEKOK SEMPENA MENYAMBUT HARI UITM KE 60 TAHUN

Disediakan oleh : Hussin bin VM.Abd Latiff
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

LABIS, 11 NOVEMBER 2016

UiTM Pasir Gudang telah mengadakan satu aktiviti pendakian Gunung Bekok bersama dengan kakitangan Pejabat Hutan Renj Labis. Aktiviti itu diadakan sempena menyambut hari UiTM yang ke 60 tahun. Aktiviti mendaki gunung ini berjalan serentak diseluruh Malaysia dimana Gunung Bekok telah terpilih sebagai salah satu gunung untuk didaki. Seramai 22 orang penuntut UiTM Pasir Gudang telah mengambil bahagian dalam pendakian tersebut dengan dipandu oleh 2 orang kakitangan Pejabat Hutan Renj Labis iaitu Encik Hussin bin VM.Abd Latiff, Pengawas Hutan dan Encik Radin Hanafi bin Eshak, Pembantu Awam.

Sebelum mulakan pendakian, para peserta telah dibawa bermalam di Kolam Hijau sejauh 3 kilometer dari Hutan Lipur Sungai Bantang. Di Kolam Hijau taklimat perkhemahan, aktiviti memasak dan program suai kenal telah dijalankan dengan dipimpin oleh Encik Hussin bin VM. Abd Latiff. Pada jam 7.00 pagi aktiviti pendakian telah dimulakan dan tiba dikemuncak Gunung Bekok pada jam 12.00 tengah hari. Pada jam 2.00 petang para peserta

turun ke tapak perkhemahan dan sampai ke Hutan Lipur Sungai Bantang jam 6.30 petang.



PROGRAM PERKHEMahan JABATAN AMAL KEBANGSAAN MALAYSIA CAWANGAN MERSING DI HUTAN LIPUR GUNUNG ARONG, MERSING

Disediakan oleh : Mohd Jasni bin Jusoh
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



Peserta Program Perkhemahan Jabatan Amal Kebangsaan Malaysia Cawangan Mersing Di Hutan Lipur Gunung Apong, Mersing

MERSING, 18 NOVEMBER 2016

Jabatan Amal Kebangsaan Malaysia Cawangan Mersing telah mengadakan program perkhemahan di Hutan Lipur Gunung Apong. Program ini telah bermula pada 18 -19 November 2016. Peserta adalah seramai 20 orang yang telah diketuai oleh Encik Zaki bin Mahbar. Selain daripada aktiviti perkhemahan, peserta juga dapat menikmati keindahan dan keunikan alam semulajadi di sekitar Hutan Lipur ini. Program ini juga diadakan untuk memberikan kesedaran kepada para peserta tentang betapa pentingnya menjaga dan mengekalkan hutan serta alam semulajadi kerana ia amat bermanfaat di dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu program ini juga diadakan bagi memupuk nilai murni, jati diri serta berdisiplin dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan. Jabatan Amal Kebangsaan Malaysia Cawangan Mersing juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Hutan Daerah Johor Timur kerana memberi tunjuk ajar serta kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan aktiviti perkhemahan ini.

KEM SAYANG HUTAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN 2016

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

MACHANG, 9 DISEMBER 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menganjurkan Kem Sayang Hutan pada 09 hingga 12 Disember 2016 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Bukit Bakar, Machang, Kelantan. Kem ini melibatkan penyertaan seramai 40 orang peserta daripada Universiti Malaysia Kelantan dan Pejabat Daerah Kuala Krai. Matlamat utama kem ini diadakan adalah bagi menerapkan semangat cinta kepada alam semulajadi serta kesedaran terhadap kepentingan alam dalam kehidupan. Pelbagai aktiviti perhutanan telah dijalankan sepanjang kem ini berlangsung.



Mahasiswa/siswi yang menyertai Kem Sayang Hutan Tahun 2016



KEJOHANAN BOWLING JPSM 2016

Disediakan oleh : Wan Norakma binti Wan Yusoff
Kelab Bowling Perhutanan Malaysia (KBPM)

PUCHONG, 5 NOVEMBER 2016

Kelab Bowling Perhutanan Malaysia (KBPM) telah menganjurkan Kejohanan Bowling JPSM 2016 pada 5 November 2016 berlangsung di Ampang Superbowl Puchong, IOI Mall Puchong, Selangor. Kejohanan ini telah disertai sebanyak 88 orang peserta yang terdiri daripada 45 orang peserta daripada Jabatan Perhutanan Negeri dan 43 orang peserta daripada Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk merebut Piala Pusingan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) yang telah diperkenalkan pada tahun 2010. Kejohanan pada kali ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Borhanudin bin Hj. Arshad, Presiden Kelab Bowling Perhutanan Malaysia.



Balingan perasmian kejohanan oleh YBhg. Datuk Borhanudin bin Hj. Arshad selaku Presiden Kelab Bowling Perhutanan Malaysia

Gandingan pemain muda dan senior pasukan bowling JPN Pahang membuktikan kehebatan apabila mengungguli kategori berpasukan yang ditaris oleh Mat Junoh Yusof, Hingshamudin Ali, Nordin Ngah dan Syarifah Raudah Syed Ahmad dengan mengumpul sebanyak 2,532 jatuhan pin. Naib Johan kategori berpasukan disandang oleh pasukan bowling JPN Johor dengan jatuhan pin sebanyak 2,385 dan tempat Ketiga dimenangi oleh pasukan bowling JPN Pulau Pinang dengan jatuhan pin sebanyak 2,314.

Bagi kategori Perseorangan Lelaki, pemain berpengalaman yang juga kakitangan JPN Johor, Mohd Rizal Hamdan berjaya melakukan 795 jatuhan pin sekaligus menewaskan 53 pencabar yang lain. Naib Johan pula disandang oleh pemain daripada JPN Terengganu iaitu Mohd Fauzi Awang Mat dengan jatuhan pin sebanyak 704 dan diikuti rapat oleh Mat Junoh Jusop daripada JPN Pahang di tempat Ketiga dengan jatuhan pin sebanyak 702.



Aksi balingan menarik oleh pemain



Sesi bergambar peserta Kejohanan Bowling JPSM 2016



Pasukan Bowling JPN Pahang dengan hadiah yang dimenangi



Johan Perseorangan Wanita

Johan Perseorangan Lelaki

Hamidah Awang yang mewakili JPN Selangor pula mengungguli kategori Perseorangan Wanita dengan jatuhan pin sebanyak 592, diikuti oleh Nuraimi Bahadun daripada JPN Kedah di tempat Kedua dengan jatuhan pin sebanyak 564. Tempat Ketiga pula menjadi milik Syarifah Raudah Syed Ahmad daripada JPN Pahang dengan jatuhan pin sebanyak 556.

Dalam kategori Perseorangan VIP Lelaki pula, YBhg. Dato' Mohamad Zin bin Yusop daripada JPN Pahang berjaya mengeneplikan pencabar lain dengan jatuhan pin sebanyak 584. Manakala Naib Johan disandang oleh Mohd Rahim bin Rani dengan jatuhan pin sebanyak 564 dan tempat ketiga oleh YBhg. Dato' Hj. Ahmad Fadzil bin Abdul Majid dengan jatuhan pin sebanyak 521. Bagi kategori Perseorangan VIP Wanita, Johan disandang oleh Roslizawati binti Rosli, Naib Johan oleh Nuraza binti Saidy dan tempat Ketiga oleh Datin Afinaliza binti Zainal Abidin dengan jatuhan pin masing-masing adalah sebanyak 373,372 dan 337.

Kesimpulannya penganjuran Kejohanan Bowling JPSM tahun 2016 anjuran KBPM pada kali ini berjalan lancar dengan jayanya dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Diharapkan kejohanan ini dapat diteruskan agar ukhwah antara semua kakitangan JPSM dapat diperkuuhkan lagi dengan aktiviti yang sihat dan berfaedah.

KEMPEN KESEDARAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGERI KELANTAN

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan



Para peserta mendengar taklimat program yang disampaikan oleh Puan Nur Najwa Dina Abong

TUMPAT, 5 OKTOBER 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengadakan Kempen Kesedaran Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negeri Kelantan tahun 2016 Bil. 2/2016 pada 5 Oktober 2016 bertempat di Delta Kelantan. Kempen ini melibatkan penyertaan seramai 50 orang peserta dari Universiti Malaysia Kelantan. Matlamat utama kempen ini diadakan adalah untuk menerapkan semangat cinta kepada alam semulajadi serta kesedaran terhadap kepentingan tanaman pesisir pantai. Aktiviti telah dijalankan ialah taklimat kesedaran mengenai kepentingan hutan pesisir pantai oleh YBrs. Puan Nur Najwa Dina Abong dan seterusnya aktiviti menanam pokok Rhu di kawasan penanaman pokok Bakau di Tumpat Kelantan.



Para Peserta menanam Pokok Bakau



Para Peserta bergambar kenangan dengan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

BACHOK, 25 OKTOBER 2016

Kempen Kesedaran Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negeri Kelantan Bil. 3/2016 telah diadakan pada 25 Oktober 2016 bertempat di Tapak Penanaman Pokok Rhu Pantai Senok, Bachok, Kelantan. Kempen ini melibatkan penyertaan seramai 50 orang peserta dari *Clinic Cure & Care Anti Dadah Kebangsaan Negeri Kelantan*. Taklimat kesedaran mengenai kepentingan hutan pesisir pantai disampaikan oleh YBrs. Puan Nur Najwa Dina Abong dan seterusnya aktiviti menanam pokok rhu di kawasan penanaman pokok rhu di pantai Senok, Bachok, Kelantan.



Taklimat program oleh Puan Nur Najwa Dina



Para Peserta Menanam Pokok Rhu



Para Peserta bergambar kenangan dengan staf JPNK

LAWATAN KERJA KE PROJEK TANAMAN BULUH DAN PROJEK REDD (PERDAGANGAN KARBON) BANDUNG, INDONESIA

Disediakan oleh : Suryani binti Mohd Nordin
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

BANDUNG INDONESIA, 28 DISEMBER 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengadakan lawatan kerja ke Projek Tanaman Buluh dan Projek REDD (Perdagangan Karbon) di Bandung, Indonesia pada 21 - 24 Disember 2016. Seramai 17 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, wakil daripada Pegawai Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan wakil daripada Pegawai Kerajaan Negeri Kelantan.

Peserta lawatan telah melawat Dinas Kehutanan Propinsi Jawa Barat, Balai Pengelolaan Taman Hutan Raya Ir. H. Djunda. Peserta lawatan telah disambut oleh pegawai-pegawai daripada jabatan tersebut. Semasa lawatan ke Dinas Kehutanan, pegawai daripada Dinas Kehutanan telah memaklumkan bahawa projek REDD telah dilaksanakan di Bandung, tetapi tahun 2017 baru ada pengeluaran karbon dan telah bekerjasama dengan Negara Korea. Justeru itu, kami juga dimaklumkan bahawa di Kalimantan sudah ada pengeluaran karbon.



Mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Dinas Kehutanan

Selain itu, peserta lawatan telah melawat Dusun Bambu yang terletak di Lembang, Indonesia. Dusun Bambu menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara kerana keunikian produk buluh dijadikan replika dan pintu gerbang di dusun tersebut. Terdapat banyak buluh yang ditanam disekitarnya yang terdiri daripada pelbagai spesies.


Sehubungan dengan itu, dengan adanya lawatan seperti ini, para

peserta dapat menimba ilmu pengetahuan dan berkongsi pendapat serta pengalaman sepanjang lawatan berlangsung.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan lawatan kerja ke Bandung ini.



Penyampaian Cenderahati kenangan daripada Jabatan Perhutanan dan Dinas Kehutanan



Lawatan ke Dusun Bambo

LAWATAN TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE TAPAK PROJEK TANAMAN RHU DI PANTAI KUNDUR

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

KOTA BHARU, 18 DISEMBER 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menerima kunjungan YB. Datuk Ir. Dr. Hj. Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ke Tapak Projek Tanaman Rhu di Pantai Kundur, Kota Bharu. YB. Datuk Ir. Dr. Hj. Hamim Bin Samuri telah diiringi oleh Dato' Haji Nor Akhirrudin Bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perundangan) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan wakil-wakil daripada jabatan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tujuan lawatan ini diadakan bertujuan melawat kawasan penanaman kawasan pesisiran pantai negeri Kelantan.



YB. Datuk Ir. Dr. Hj. Hamim Bin Samuri telah diiringi oleh Dato' Haji Nor Akhirrudin Bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Perundangan) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan wakil-wakil daripada jabatan dibawah Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar



MAJLIS PERASMIAN KUARI DIMENSI TIMAL SDN. BHD. DAN PROGRAM PENANAMAN POKOK JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan



Para tetamu VIP yang hadir majlis perasmian



Para jemputan yang hadir majlis perasmian

JEDOK, 23 SEPTEMBER 2016

Satu Majlis Perasmian Kuari Dimensi Timal Sdn. Bhd. dan Program Penanaman Pokok Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan Bersama Masyarakat Setempat telah diadakan pada 25 September 2016 (23 Zulhijjah 1437H) di Kuari Dimensi Timal Sdn. Bhd. Jedok, Tanah Merah Kelantan. Majlis ini dirasmikan oleh YB. Dr. Ramli bin Mamat, Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Rakyat, Kesihatan, Alam Sekitar dan NGO. Majlis ini juga turut dihadiri Ketua Jajahan Tanah Merah, Ketua Jabatan atau Amphor bagi Jajahan Sungai Golok dan Waeng, Thailand serta Masyarakat setempat. Tujuan Majlis Program Penanaman Pokok Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan bersama Masyarakat Setempat diadakan bagi menunjukkan usaha kerjasama JPNK dengan sektor korporat untuk pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dan tindakan ini bertepatan dengan hasrat serta komitmen Kerajaan Negeri Kelantan untuk mewujudkan suasana persekitaran hijau melalui aktiviti penanaman pokok. Adalah diharapkan aktiviti sebegini dapat menjadikan contoh kepada pengusaha kuari yang lain serta penduduk tempatan untuk menyayangi serta menjaga hutan.



YB. Dr. Ramli bin Mamat, Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Rakyat, Kesihatan, Alam Sekitar dan NGO merasmikan pokok Tanjung

MAJLIS SOLAT HAJAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

KOTA BHARU, 24 NOVEMBER 2016

Satu Majlis Solat Hajat telah diadakan bertempat di Lobi Utama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. Majlis tersebut turut dihadiri Pengarah Perhutanan dan kakitangan jabatan. Dengan adanya majlis seperti ini diharap dapat memberkati urusan kerja jabatan serta dapat mengeratkan lagi hubungan silatulrahim antara kakitangan jabatan.



Pengarah Perhutanan Negeri dan Kakitangan bersama-sama dalam program solat hajat

PROGRAM PENGHIJAUAN D'RAJA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KDYMM SULTAN MUHAMMAD V YANG KE 47

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

KUALA KRAI, 1 NOVEMBER 2016

Majlis Perasmian Program Penghijauan D'raja Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Sultan Muhammad V yang Ke 47 telah diadakan pada 1 Safar 1438 H bersamaan 1 November 2016 bertempat di perkarangan tebing Sungai Lebir, Manek Urai, Kuala Krai. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V. Pada majlis ini sebanyak 413 pokok Blue Quandong (*Elaeocarpus spp.*) telah ditanam.



Program Penghijauan D'raja sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan KDYMM Sultan Muhammad V



Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V dan Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan menanam pokok sebagai simbolik perasmian program

PROGRAM TEAM BUILDING JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

Disediakan oleh: Nur Ain binti Mustapa
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

GRIK, 6 DISEMBER 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengadakan Program Team Building bertempat di Tasik Temenggor, Taman Negeri Royal Belum, Grik, Perak. Program ini telah disertai oleh 40 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan yang terdiri daripada pelbagai sasaran. Program ini diadakan dengan bertujuan untuk:

- i. Meningkatkan tahap keyakinan dan jatidiri yang tinggi.
- ii. Membentuk disiplin diri yang jitu dan bersedia untuk berusaha menjadi pekerja cemerlang.
- iii. Menjadi pekerja yang sentiasa bersemangat untuk berjaya dan berusaha memajukan diri sendiri dan Jabatan.
- iv. Memahami dan mengenali personaliti diri dan kakitangan lain agar wujud sikap terbuka, tolak ansur, prihatin dan kerjasama untuk memajukan diri dan Jabatan.
- v. Mempunyai daya juang yang tinggi untuk melawan diri dan terjebak dalam budaya yang merugikan.



Encik Mahadi bin Che Will menyampaikan ceramah kepada para peserta



Gambar para peserta kem

PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU BERSAMA PELAJAR YAYASAN SAAD ANJURAN AXIATA DENGAN KERJASAMA JKPK KAMPUNG SERI MINYAK DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

ANJUNG BATU, 10 NOVEMBER 2016

Program Penanaman Pokok Bakau bersama Pelajar Yayasan Saad Anjuran Syarikat telekomunikasi Axiata Group Berhad (Axiata) dengan Kerjasama JKPK Kampung Seri Minyak dan Jabatan Perhutanan Negeri Melaka telah diadakan di KM 15, Anjung Batu, Kg. Seri Minyak, Umbai, Merlimau Melaka. Program ini disertai oleh 97 orang pelajar Tingkatan 4, Kolej Yayasan Saad, 30 orang penduduk kampung dan 20 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Melaka. Program ini dirasmikan oleh Exco Pertanian dan Pembangunan Usahawan Negeri Melaka, Datuk Hasan Abd. Rahman dan dihadiri oleh dif-dif terhormat Negeri Melaka.

Objektif program ini ialah meneroka strategi bagi membangunkan komuniti lestari melalui pemuliharaan biodiversiti, membina sahsiah diri dan sikap sukarelawan dalam masyarakat dan menganalisi & kepentingan, ancaman dan penyelesaian bagi cabaran yang dihadapi oleh komuniti. Acara program ini tertumpu kepada penanaman sebanyak 1,500 pokok Bakau Minyak oleh para peserta di dua lokasi iaitu jalan masuk ke Kampung Seri Minyak dan kawasan penanaman pokok bakau iaitu pesisir jeti Anjung Batu. Aktiviti diteruskan dengan pembersihan kawasan dan pembentangan para pelajar kepada wakil komuniti Kampung Seri Minyak. Secara keseluruhannya melalui program ini para pelajar dapat



Kakitangan JPNM yang terlibat dalam program tersebut

meneroka potensi diri, meningkatkan kesedaran dalam cabaran-cabaran sosial, dan menguasai kompetensi berkomunikasi, pemikiran secara kreatif, kritis dan kecerdasan emosi.

BENGKEL PEMURNIAN RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

BANDA HILIR, 22 SEPTEMBER 2016

Bengkel Pemurnian Rancangan Pengurusan Hutan 2016-2025 (RPH 2016-2025), Jabatan Perhutanan Negeri Melaka telah diadakan di Hotel Holiday Inn selama tiga (3) hari. Bengkel ini disertai oleh Pengarah Perhutanan Negeri Melaka bersama pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Melaka, wakil pegawai dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Melaka dan pihak konsultan iaitu UPM Consultancy and Services Sdn. Bhd. Tujuan bengkel ini diadakan ialah untuk memurnikan penulisan RPH dan mengemaskini maklumat untuk dimuatkan ke dalam RPH tersebut. Bengkel dimulakan dengan sesi taklimat oleh pihak konsultan yang dilantik dan diteruskan dengan perbincangan bersama untuk mengemaskini RPH tersebut. Program ini dijalankan dengan jayanya dan segala maklumat serta penulisan RPH dapat dimurnikan sepanjang berlangsungnya bengkel tersebut.



Peserta-peserta yang terlibat dalam Bengkel RPH 2016-2025 (Dari atas kiri: Pn.Roszita binti Abd Rahman (JPNM), wakil JPBD, Encik Zulkifli bin Mukni (JPNM), Cik Fitriatul Aini binti Zakaria (UPM), Pn. Noor Syuhada binti Abdul Samad (JPNM), Dr. Hamdan bin Omar (UPM), En. Nurozi bin Mohd Yusof (Pengarah JPNM), En. Farid bin Mamat (FRIM) dan Dr. Hafizal Ismail (UPM)



Perbincangan sedang dijalankan antara pihak JPNM dan pihak Konsultan

PROGRAM KEMBARA ILMU KOMUNITI SARAWAK KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

AYER KEROH, 22 SEPTEMBER 2016

Program Kembara Ilmu Komuniti Sarawak Ke Jabatan Perhutanan Negeri Melaka, antara tempat yang dilawati ialah Projek Tanaman Karas, Jasin, Melaka, Projek Ternakan Kelulut di Taman Botanikal Ayer Keroh, Melaka. Lawatan ini merupakan kembara ilmu untuk memberi pendedahan dan membuka minda komuniti mengenai pelbagai projek-projek pembangunan komuniti yang telah berjaya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia. Negeri Melaka merupakan negeri yang ketiga dilawati selepas negeri Perak dan Selangor. Lawatan ini juga adalah salah satu program perhutanan sosial kerjasama diantara Jabatan Hutan Sarawak dan Jabatan Perhutanan Negeri Melaka. Seramai 30 peserta, 10 Pegawai Pengiring dari Jabatan Hutan Sarawak dan 10 orang urus setia dari Jabatan Perhutanan Negeri Melaka telah terlibat dalam program yang berlangsung pada hari tersebut. Program tersebut dimulakan dengan taklimat yang telah disampaikan oleh Encik Zulkifli bin Mukni, Penolong Pegawai Siasatan Jabatan Perhutanan Negeri Melaka. Program



Taklimat ternakan kelulut di Taman Botanikal Melaka, Ayer Keroh Melaka

diteruskan dengan lawatan ke ladang karas di Jasin, Melaka dan diakhiri dengan lawatan ke Projek Ternakan Kelulut di Taman Botanikal Melaka, Ayer Keroh, Melaka. Secara kesimpulannya, program ini dapat memberi input yang berguna kepada pegawai Jabatan Hutan Sarawak dalam merangka pelan perancangan melalui peruntukan RMKe-11 untuk menjalankan dan melaksanakan projek-projek yang berdasarkan komuniti ke atas pembangunan dan pengurusan sumber hutan.



Peserta-peserta program dan urus setia Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI PERHUTANAN (*MYSTERY SHOPPING/ INTEGRITY TESTING*) DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA

Disediakan oleh : Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

AYER KEROH, 18 OKTOBER 2016

Program Pemantapan Integriti Perhutanan (*Mystery Shopping/ Integrity Testing*) di Jabatan Perhutanan Negeri Melaka telah diadakan di D'Village Resort Melaka dengan kerjasama Unit Integriti Perhutanan (UIP), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Program ini merupakan program pengukuhan untuk memantapkan integriti dalam kalangan kakitangan peringkat daerah dan lapangan yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penguatkuasaan. Sebanyak 30 peserta unit beruniform dari 3 daerah iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah, Jasin dan Pejabat Perhutanan Negeri serta urus setia program telah terlibat dalam program yang berlangsung. Program tersebut dimulakan dengan ucapan aluan oleh wakil Pengarah Perhutanan Negeri Melaka, Encik Zulkifli bin Mukni dan ucapan aluan Ketua Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM. Encik Hairuzam bin



Pihak UIP IPPSM bersama peserta-peserta program



Pihak JPBM bersama pihak UIP di kawasan lesen pasir

Mohmad Amin@Hamim. Program diteruskan dengan ceramah integriti dan sesi soal jawab. Sesi petang diteruskan dengan lawatan ke kawasan lesen pengusahaan pasir (LK-M-01-04-2008) di Kompartmen 4A, Hutan Bukit Senggeh, Daerah Jasin, Melaka. Lawatan dimulakan dengan taklimat yang diberikan oleh Penolong Pemelihara Hutan Daerah Jasin Melaka dan seterusnya lawatan ke lapangan oleh pihak UIP bersama-sama pihak Jabatan Perhutanan Negeri Melaka.

PROGRAM KERJASAMA PENANAMAN POKOK OLEH UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UNIKL) DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG DI KOMPT.2, HS BATU GANGAN, CAMERON HIGHLANDS (FASA 1)

Disediakan oleh : Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

CAMERON HIGHLANDS, 9 DISEMBER 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dengan kerjasama Universiti Kuala Lumpur telah menganjurkan program penanaman pokok di Kompartmen 2, Hutan Simpan Batu Gangan, Daerah Cameron Highlands. Seluas 0.8 hektar telah berjaya ditanam dengan 500 anak pokok pelbagai spesies hutan bukit seperti Gerok (*Exbucklandia populnea*), Meranti Bukit (*Shorea platyclados*), Damar Minyak (*Agathis borneensis*) dan Cupressus (*Cupressus macrocarpa*).

Seramai 190 pelajar UNIKL bersama 30 orang kakitangan dari Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands dan Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat telah terlibat secara langsung dalam menjayakan program tersebut. Program ini merupakan sebahagian dari Program Penghijauan Cameron Highlands yang telah bermula pada tahun 2014 melibatkan 22 kawasan penanaman.



Peserta program yang terdiri daripada pelajar Universiti Kuala Lumpur menanam anak pokok yang disediakan

Tujuan program ini diadakan adalah bagi melibatkan orang awam secara langsung dalam usaha pemulihan kawasan berhutan terutamanya bagi kawasan Hutan Simpanan kekal (HSK) di Cameron Highlands serta memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.



MAJLIS PERASMIAN BALAI MERAWAN UNGU SEMPENA SEBERANG PERAI FIESTA TAHUN 2016

Disediakan oleh: Mis Maizura binti Amat Kaulan
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

SEBERANG JAYA, 15 SEPTEMBER 2016

Bangunan Balai Merawan Ungu telah dibina menggantikan balai pameran Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang yang telah uzur melalui peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri. Ia merupakan bangunan kekal milik Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk menyediakan bahan pameran dan informasi kepada orang awam setiap tahun khususnya pada program sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (*Agro Fest*) anjuran Pengurus Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Bangunan ini juga sebagai satu publisiti kepada orang awam mengenai peranan dan tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dalam mengurus dan mentadbir hutan secara berkekalan. Majlis Perasmian Balai Merawan Ungu telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan dihadiri oleh Y.B. Dato' Seri Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Ketua-ketua Jabatan Negeri Pulau Pinang. Sebagai simbolik kepada pemilihan nama Balai Merawan Ungu, acara penanaman pokok Merawan Ungu (*Hopea bracteata var. penangiana*). Pokok Merawan Ungu merupakan spesies pokok Dipterokarpa (Kaum Damar) yang dikategorikan Sangat Terancam



CM menandatangani plaque perasmian

(*Critically Endangered*) dan hanya terdapat di Negeri Pulau Pinang. Selain itu, pameran mengenai ‘Kepentingan Ekosistem Hutan Paya Laut kepada Alam Sekitar’ telah disediakan untuk pengunjung dari luar negeri Pulau Pinang, masyarakat setempat dan penduduk Negeri Pulau Pinang dan pelajar sekolah dan

memelihara dan memulihara sepuluh (10) spesies pokok Dipterokarpa (Kaum Damar) yang dikategorikan Sangat Terancam (*Critically Endangered*) dalam hutan tanah Kerajaan di Semenanjung Malaysia.



institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang komited dalam menjalankan program pemeliharaan dan pemuliharaan spesies pokok Dipterokarpa yang dikategorikan Sangat Terancam (*Critically Endangered*) bagi memastikan ianya akan tetap terpelihara selaras dengan keputusan Majlis Biodiversiti Negara Ketiga (MBN Ke-3) yang bersetuju bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia hendaklah



BALAI MERAWAN UNGU JPNPP



PPN beri cenderahati kepada CM

PROJEK PERINTIS LEBAH KELULUT DI PEJABAT PENTERNAKAN LEBAH KELULUT

Disediakan oleh : Nor Fazlina binti Mohamad Nor
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

Penternak lebah secara moden adalah merupakan salah satu langkah alternatif jabatan untuk memenuhi kesejahteraan kehidupan masyarakat di samping menyumbangkan kepada pendapatan negara serta bertindak sebagai pemakin (*catalyst*) pembangunan sosio-ekonomi negara. Penggunaan sumber hutan secara tidak langsung ini secara umumnya boleh mendatangkan hasil yang mempunyai nilai permintaan yang tinggi terutama dalam dunia kesihatan iaitu madu. Terdapat pelbagai spesies lebah yang boleh mengeluarkan madu tetapi hanya beberapa jenis sahaja yang boleh diternak dan mengeluarkan madu yang banyak serta berpotensi untuk dipasarkan. Antara spesies yang digunakan bagi projek perintis lebah kelulut ini ialah daripada spesies *Trigona Itama* dan *Trigona Thoracica*.

Projek perintis lebah kelulut ini beroperasi sepenuhnya pada Oktober 2015 dengan permulaan sebanyak 10 kotak kelulut ditempatkan di kawasan seluas 1 hektar. Kawasan ini dipagar dengan pagar *chain link* dan ditanam dengan pokok ceri, pokok akasia dan pelbagai jenis bunga sebagai sumber makanan kepada kelulut. Anggaran kos bagi projek ini adalah sebanyak RM50,000. Antara objektif projek ini adalah untuk mewujudkan satu projek alternatif yang boleh dipraktikkan dari segi pengeluaran produk hasil hutan secara tidak langsung tanpa bergantung kepada hasil kayu-kayan semata-mata. Melalui projek ini maklumat berkaitan kos penubuhan dan pengurusan projek termasuk jenis dan sifat lebah kelulut yang boleh diternak dapat dikumpul. Selain itu, kawasan yang sesuai untuk penternak juga dapat dikenalpasti dan kemahiran menggunakan peralatan penternak dan pemprosesan madu dapat ditingkat serta dapat menjana hasil.

Satu panduan melalui dokumentasi pengembangan maklumat mengenai projek dengan memberi penekanan kepada aspek pengurusan dan kesesuaian gabungan ternakan lebah kelulut dengan kawasan tanaman ladang hutan dapat diwujudkan. Faedah yang dijangka daripada projek ini adalah dapat memberi manfaat yang besar kepada jabatan dalam memaksimumkan penggunaan sumber hutan dan meningkatkan aktiviti yang memberi nilai tambah. Pengurangan kebergantungan secara langsung terhadap hasil secara langsung dari hutan sama ada hasil kayu atau bukan kayu. Memperolehi pelbagai maklumat penilaian simbiosis antara ternakan dan sumber hutan yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada orang awam. Memelihara kepelbagaian biologi serta kestabilan alam sekitar dengan mengekalkan rantaian kitaran di antara flora dan fauna di samping mengambil faedah secara berterusan daripada kawasan hutan simpanan kekal dan tanah kerajaan. Di masa hadapan projek ini berpotensi menjadi sebagai satu kawasan pelancongan berdasarkan ekologi, perhutanan dan juga pendidikan.

PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA BERSEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE-36

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
PUSPANITA, JPSM

SENAI, 29 NOVEMBER 2016

Program perjumpaan PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ini merupakan program yang telah disusun bersempena dengan Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia (PPNSM) Ke-36 tahun 2016 telah diadakan di Senai, Johor pada 26 November 2016 hingga 1 Disember 2016.

Sebanyak 16 orang ahli PUSPANITA telah menyertai program ini. Pelbagai aktiviti berfaedah dan menarik telah diadakan antaranya adalah aktiviti lawatan ke *Forest City*, bersantai dan membeli-belah di Johor Premium Outlet (JPO), meninjau hasil seni di Johor Kraf Malaysia, bergotong-royong dan menanam pokok di Hutan Lipur Gunung Pulai 2, melihat keindahan pemandangan di Encorp Marina Puteri Harbour, memperoleh pengalaman baru melalui lawatan ke Penjara Kampung Gajah dan juga melihat penghasilan kerepek di Million Food Industries, Taman Perindustrian Sinaran, Kluang. Objektif Program Perjumpaan PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ini adalah untuk menjadi satu platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim, berkongsi ilmu pengetahuan, pandangan dan pengalaman antara PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Negeri melalui pelbagai aktiviti yang telah diaturkan.



Majlis Perasmian Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-36 telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Hj. Ismail bin Karim, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor



Lawatan ke *Forest City*, Gelang Patah

SEMINAR PERHUTANAN PERINGKAT NEGERI PAHANG 2016

Disediakan oleh: Haffiz Baharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUANTAN, 6 OKTOBER 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menganjurkan Seminar Perhutanan Peringkat Negeri Pahang bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan. Seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan berpakaian seragam gred G19 dan ke atas telah menghadiri seminar ini yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan perbincangan tentang aktiviti dan isu semasa berkaitan sektor perhutanan di negeri Pahang.

Sebanyak 9 kertas kerja telah dibentangkan oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang di antaranya melibatkan bidang pengurusan hutan, penguatkuasaan hutan, teknologi maklumat dan silvikultur (rujuk lampiran). Sesi pembentangan dan soal jawab sepanjang seminar ini telah dikendalikan oleh 3 orang moderator yang terdiri daripada Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan I) dan Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan II).

Majlis Perasmian Seminar Perhutanan peringkat Negeri Pahang 2016 telah dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Dato' Haji Mohd Paiz bin Kamaruzaman. Di samping pembentangan kertas kerja, para peserta turut berpeluang melihat perkembangan teknologi terkini dalam bidang perhutanan seperti sistem pemantauan udara menggunakan dron, peralatan *laser measure distance* terkini dan alat keluaran Husqvarna terbaru melalui pameran yang bertempat diperkarangan ruang legar dewan seminar. Dengan terlaksananya seminar seperti ini, Jabatan berharap agar dapat meningkatkan kerjasama dan persefahaman yang lebih kukuh di antara pihak atas dan dengan kakitangan pelaksana untuk meningkatkan mutu serta kualiti pengurusan hutan secara berkekalan di negeri Pahang pada masa kini dan akan datang.



Pembentangan kertas kerja sedang memberi penerangan di Seminar Perhutanan Peringkat Negeri Pahang 2016

SENARAI KERTAS KERJA YANG TELAH DIBENTANGKAN

- i. Kaedah Pengeluaran Pas Pemindah Ganti bagi Penghantaran Kayu Teras (*Core*) dan Balak Pendek Yang Telah Diproses;
- ii. Pengemaskinian Kaedah Bancian Tungul Pokok Bagi Kes Kesalahan Hutan Dalam Hutan Simpanan Kekal;
- iii. Implikasi Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) Terhadap Pengurusan Taman Eko Rimba;
- iv. Penyeragaman Permohonan Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) Bagi Aktiviti Rekreasi;
- v. Pemurnian Prosedur Pengukuran Sempadan Hutan Simpanan Kekal Antara Jabatan-Jabatan Yang Berkaitan (JUPEM, Jabatan Perhutanan dan Pejabat Daerah dan Tanah);
- vi. Sistem E-Eko Rimba Dan Pelaksanaannya;
- vii. Meningkatkan Bekalan Anak Benih Berkualiti Tanpa Penggunaan Tenaga Kerja Yang Ramai;
- viii. Kepentingan Hutan Paya Gambut Untuk Komuniti; dan
- ix. Kaedah Penentuan Status Pemulihan Kawasan Selepas Usahahasil Yang Telah Melebihi 10 Tahun.



Seminar Perhutanan ini telah dirasmikan oleh YH Dato' Haji Mohd Paiz bin Kamaruzaman, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang



YH Dato PPN sedang mendengar taklimat berkaitan alat pengukuran baru untuk aktiviti dalam Jabatan



Puan Rohani binti Sulaiman, Johan Pertandingan Bowling Anjuran PUSPANITA JPNPK



YBhg. Datin Jamilah binti Ujang menyampaikan hadiah kepada pemenang



Turut hadir sama YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak

PERLAWANAN BOWLING PERSAHABATAN ANJURAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh : Nur A'in binti Chek Mustafa
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 14 OKTOBER 2016

Satu perlawanannya bowling persahabatan di antara ahli PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) telah diadakan di Ole-Ole Super Bowl, Mydin Meru Raya, Ipoh pada 14 Oktober 2016. Turut hadir sama ialah Pengurus PUSPANITA iaitu YBhg. Datin Jamilah binti Ujang, isteri Pengarah Perhutanan Negeri Perak. Seramai 30 peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang mana melibatkan penglibatan ahli dari Ibu Pejabat Ipoh dan daerah-daerah di bawah pentadbiran JPNPK.

Pertandingan ini bukan sahaja sebagai aktiviti tahunan tetapi

juga bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim sesama ahli PUSPANITA. Puan Rohani binti Sulaiman, dari Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak, Gerik dengan jatahan pin sebanyak 464 telah dinobatkan sebagai Johan pertandingan. Beliau membawa pulang hadiah berupa wang tunai, hamper dan piala iringan. Untuk menambahkan lagi kemeriahan acara, cabutan nombor bertuah turut diadakan.

Diharapkan agar pertandingan sebegini menjadi platform kepada ahli untuk mengasah kemahiran selain memupuk ikatan silaturrahim yang erat.



Isteri pegawai-pegawai kanan dan ahli sentiasa memberi sokongan padu terhadap program yang dianjurkan oleh PUSPANITA JPNPK

MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2016

Disediakan oleh : Nor Wahidah binti Amran
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

KUALA KUBU BHARU, 17 DISEMBER 2016

Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor Tahun 2016 telah dilaksanakan di Santuari Ikan Sg. Chilling, Kompartmen 25, Hutan Simpan Hulu Selangor bertemakan “Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat”.



Ucapan Perasmian YB Elizabeth Wong, Pengurus Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Pelancongan dan Hal Ehwal Kepenggunaan Negeri Selangor

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Elizabeth Wong, Pengurus Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Pelancongan dan Hal Ehwal Kepenggunaan Negeri Selangor. Turut hadir bagi memeriahkan majlis ini adalah YBhg. Datuk Borhanudin bin Hj. Arshad, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi dan Teknikal), Timbalan Yang DiPertua Majlis Daerah Hulu Selangor, Wakil Pengarah Perhutanan Negeri dan Pengarah-Pengarah Bahagian, Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah serta peserta-peserta Selangor Hammock Camp dan komuniti tempatan.

Majlis sambutan ini diteruskan dengan simbolik penanaman anak pokok Jelutong (*Dyera costulata*) oleh tetamu-tetamu VIP manakala sebanyak 300 anak pokok Keruing Neram (*Dipterocarpus oblongifolius*) juga telah berjaya ditanam oleh para peserta di pinggir sungai. Majlis kali ini juga turut diserikan dengan gimik pelepasan lebih kurang sejumlah 1,500 anak ikan daripada spesies Jelawat dan Tengas di Santuari Ikan Sg. Chilling oleh para tetamu VIP.



Pelepasan anak ikan sebagai gimik oleh tetamu-tetamu VIP



Sesi bergambar di tapak hammock kem

YB Elizabeth Wong kemudiannya bersama tetamu yang lain berkesempatan melawat tapak pameran daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor serta melihat demonstrasi memasak secara ikhtiar hidup (nasi dalam buluh) yang disediakan oleh kakitangan Jabatan. Selain itu, YB Elizabeth Wong juga tidak melepaskan peluang menyaksikan aktiviti pemasangan hammock secara bertingkat yang dilakukan oleh peserta Selangor Hammock Camp.

Majlis ini telah berakhir dengan jayanya pada jam 12.00 tengahari dan penganjuran kali ini dilihat sangat bertepatan dengan tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2016.



Upacara penanaman anak pokok Jelutong oleh tetamu-tetamu VIP

PERARAKAN SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1438H PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh : Nor Wahidah binti Amran
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

SHAH ALAM, 12 DISEMBER 2016

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) yang diketuai oleh Dr. Mohd Puat bin Dahalan, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor dan 52 orang kakitangan JPNS telah menyertai perarakan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1438H Peringkat Negeri Selangor yang bertempat di Stadium Malawati, Shah Alam, Selangor. Perarakan tersebut telah bermula dari Stadium Mini hingga ke Stadium Malawati sejauh 1.5 kilometer sambil diiringi dengan bacaan selawat ke atas Junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Pada kali ini, kontinjen JPNS telah mengenakan persalinan bertemakan warna hijau dan oren. Atas berkat doa, usaha dan kerjasama oleh semua pihak, Kontinjen JPNS telah berjaya merangkul tempat ke-3 Perbarisan Perarakan bagi Kategori Jabatan Kerajaan. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi dan pembakar semangat untuk memperolehi lebih banyak kejayaan pada masa hadapan. Tahniah diucapkan kepada kontinjen JPNS.



Kontinjen JPNS yang diketuai oleh Dr. Mohd Puat bin Dahalan, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor



Kontinjen lelaki dan perempuan yang terlibat dalam perarakan



Sebahagian kontinjen bergambar kenang-kenangan



JPNS mendapat tempat ke-3 Perbarisan Perarakan bagi Kategori Jabatan Kerajaan



Cenderamata yang diterima

PROGRAM KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR TAHUN 2016 & AKTIVITI PENANAMAN POKOK BERSAMA PENDUDUK KAMPUNG NELAYAN KG TELOK GONG DAN KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR SERTA PERASMIAAN PENGKALAN OPERASI PENGUATKUASAAN HUTAN DI KOMPT 55, HUTAN SIMPAN TELOK GEDONG

Disediakan oleh : Mohd Tarmizi bin Ahmad
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

PELABUHAN KLANG, 15 DISEMBER 2016

Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2016 & Aktiviti Penanaman Pokok Bersama Penduduk Kampung Nelayan Kg. Telok Gong dan Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah dianjurkan oleh JPNS. Program ini diterajui oleh Seksyen Penguatkuasaan Hutan dan dibantu oleh kakitangan daripada Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran berkenaan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan Hutan Paya Laut kepada penduduk serta nelayan Kg. Telok Gong dan juga kepada peserta program yang lain di samping untuk memuliharkan semula kawasan terosot di Kompt 55, Hutan Simpan Telok Gedong ini melalui aktiviti penanaman pokok-pokok bakau di kawasan berkenaan.

Program ini telah disertai seramai 350 orang peserta yang terdiri daripada penduduk dan nelayan Kg. Telok Gong serta kakitangan JPNS.

Sebanyak 2,000 anak pokok Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*) telah berjaya ditanam oleh semua peserta sebagai usaha untuk menghijaukan semula kawasan berkenaan yang telah terhakis oleh ombak sebelum ini. Penyertaan peserta daripada pelbagai peringkat umur telah membuktikan semangat dan rasa cintakan alam sekitar berjaya dizahirkan oleh penduduk sekitar yang menyertai program tersebut.

Outcome yang disasarkan dalam program berkenaan adalah untuk melahirkan masyarakat yang cintakan hutan dan berusaha untuk menjaga dan memulihkan hutan daripada musnah akibat kerosakan daripada perbuatan manusia, memulihkan kawasan terosot di kawasan berkenaan dengan aktiviti



Pengarah Perhutanan Negeri Selangor memotong riben sebagai simbolik perasmian Pengkalan Operasi Penguatkuasaan Hutan di Kompt. 55, Hutan Simpan Telok Gedong

penanaman pokok-pokok bakau, meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan kepentingan Hutan Paya Laut dan ekosistemnya sama ada flora dan fauna serta menjadikan masyarakat yang prihatin dan sensitif kepada kegiatan-kegiatan yang merosakkan Hutan Paya Laut dengan membantu usaha Jabatan ini dalam menguatkuasakan pengawalan ke atas hutan simpan.

Program ini telah dirasmikan oleh En. Mohd Tarmizi bin Ahmad, Penolong Pengarah Kanan (Penguatkuasaan Hutan) mewakili Pengarah Perhutanan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun Dr. Mohd Puat bin Dahalan, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor telah meluangkan masa selepas mesyuarat tersebut ke lokasi penanaman bagi tujuan merasmikan Pengkalan Operasi Penguatkuasaan Hutan yang terletak di Kompt 55, Hutan Simpan Telok Gedong. Pengkalan operasi ini merupakan satu usaha Jabatan dalam menambahbaik jeti sedia ada yang terletak di Sg. Dua

Pelabuhan Klang yang ketika ini mengalami mendapan lumpur yang cukup serius. Hal ini menyebabkan kesukaran bagi bot-bot jabatan untuk beroperasi bagi menjalankan aktiviti rondaan dan pemantauan akibat mendapan tersebut dan hanya dapat beroperasi ketika air pasang besar sahaja. Berbeza dengan situasi yang berlaku di Pengkalan Operasi Penguatkuasaan Hutan yang mana bot-bot jabatan dapat beroperasi bagi menjalankan operasi 24 jam sehari tanpa gangguan pergerakan air pasang surut lain.



Para peserta yang menjalankan aktiviti penanaman pokok Bakau Kurap di Kompt.55, Hutan Simpan Telok Gedong

JALINAN KERJASAMA JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR SEMPENA LAWATAN KE TAMAN EKO RIMBA KL PADA 21 NOVEMBER 2016

Satu sesi taklimat mengenai pengurusan HSK di WPKL telah disampaikan oleh PPWPKL kepada rombongan ini.



Sesi fotografi PPWPKL bersama Puan Norlin binti Jaafar, Pengarah dan kakitangan JAS WPKL

PROGRAM PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DI TAMAN EKO RIMBA KL BUKIT NANAS PADA 8 NOVEMBER 2016




Taklimat Mengenai Pengurusan Taman Eko Rimba KL telah disampaikan oleh PPWPKL kepada PUSPANITA KDN



Penyampaian Sijil Penanaman Pokok oleh PPWPKL kepada YBhg. Datin Seri Roba'aishah binti Mohd Ghazali



Sesi fotografi PPWPKL bersama PUSPANITA KDN dan Majlis Penanaman Pokok oleh YBhg. Datin Seri Roba'aishah binti Mohd Ghazali isteri Ketua Setiausaha KDN



WWW.FORESTRY.GOV.MY

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA

Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2616 4488 Fax: (6)03-2692 5657
<http://www.forestry.gov.my>